

Jilid IV
No. 7



Hari Isnin
4hb Mach, 1968

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN NEGARA (SENATE)

PENYATA RASMI

PARLIMEN MALAYSIA YANG KEDUA PENGGAL KEEMPAT

KANDONGAN-NYA

PEMASHORAN² OLEH YANG DI-PERTUA—

Mengangkat Sumpah Oleh Yang Berhormat K. R. Somasundram
[Rgn. 1117]

Perutusan Daripada Dewan Ra'ayat [Rgn. 1117]

URUSAN MESHUARAT [Rgn. 1118]

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Rgn. 1119]

RANG UNDANG²—

Rang Undang² Perbekalan, 1968—Bachaan Kali Yang Kedua
dan Ketiga [Rgn. 1130]

JAWAPAN BERTULIS [Rgn. 1205]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA (SENATE)
Penyata Rasmi

Jilid IV

Dewan Negara yang Kedua Penggal Keempat

No. 7

Hari Isnin, 4hb Mach, 1968

Persidangan bermula pada pukul sa-puloh pagi

YANG HADZIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDUL MANAP, P.P.N. (Melaka).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ TAN SRI TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN, P.S.M., O.B.E. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN KEONG HON, A.M.N., S.M.S., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN CHAN KWONG-HON, J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Kurnia Indera (Di-lantek)
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN GAN TECK YEOW, J.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN GOH CHEK KIN, P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HONG KIM SUI, A.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN ANDREW JIKA LANDAU (Di-lantek).
- „ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan)
- „ DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN LIM HEE HONG, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED ADIB BIN OMAR, P.J.K. (Trengganu).
 " DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
 " TAN SRI HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Di-lantek).
 " TUAN HAJI MOHAMED SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
 " DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
 " TUAN S. P. S. NATHAN (Di-lantek).
 " TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, M.B.E. (Sarawak).
 " TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
 " TUAN SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Di-lantek).
 " DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA AL-HAJ, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johor).
 " TAN SRI G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
 " TUAN K. R. SOMASUNDRAM, A.M.N. (Kedah).
 " TUAN SYED DARUS BIN SYED HASHIM (Perlis).
 " TUAN WILLIAM TAN (Di-lantek).
 " TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).
 " DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).
 " DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
 " DATO' WAN MUSTAPHA BIN HAJI WAN ALI, D.J.M.K. (Kelantan).
 " WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
 " TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
 " TUAN YEOH KIAN TEIK (Perak).

YANG TIADA HADZIR :

- Yang Berhormat Menteri Tidak Berjabatan, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
 " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Di-lantek).
 " TUAN CHEAH SENG KHIM, J.P. (Pulau Pinang).
 " DATO' O. K. K. INDAN BIN KARI, P.D.K. (Di-lantek).
 " TUAN KOH KIM LENG (Melaka).
 " NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA. J.M.N. (Di-lantek).
 " RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).
 " TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N., S.M.K., J.P. (Kedah).
 " DATO' S. O. K. UBAIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Di-lantek).

YANG HADZIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
 " Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
 " Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
 " Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N. P.J.K. (Sepang).
 " Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, (Telok Anson).
 " Menteri Muda Ke'adilan, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi
kan Meshuarat)

PEMASHORAN² OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH OLEH YANG BERHORMAT K. R. SOMASUNDRAM

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak mema' alumkan kapada Dewan ini, ia-itu Ahli Yang Berhormat K. R. Somasundram telah mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara di-hadapan saya pada hari Juma'at, 19hb Januari, 1968, menurut kehendak Peratoran Meshuarat Dewan Negara No. 4 (3).

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RA'AYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan yang bertarikh 1hb Mach, 1968 daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya menjemput Setia-usaha Dewan Negara membachakan perutusan itu:

*(Tuan Setia-usaha membachakan
Perutusan)*

"Tuan Yang di-Pertua,
Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang² yang berikut:

1. bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang yang di-satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1967 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu;
2. to amend the Excise Act, 1961;
3. to amend the Malayan Estates Staff Provident Fund Ordinance, 1947;
4. to amend the Hire Purchase Act, 1967;
5. to amend the Federal Capital Act, 1960;
6. to amend the Municipal Ordinance;
7. to amend the Town Boards Enactment of the Federated Malay States;
8. bagi menggunakan sa-jumlah wang daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1968 dan bagi memperuntokkan wang itu dan lain² wang sa-bagaimana yang telah di-benar di-keluar-kan untuk perkhidmatan bagi tahun itu;
9. bagi mengadakan peruntukan berke-naan dengan chara yang lebih baik dan lebih berkesan bagi menguat-kuasakan perentah² nafkah;

10. to amend the Banking Ordinance, 1958;
 11. to amend the Central Bank of Malaysia Ordinance, 1958;
 12. to amend the laws relating to income tax in Sabah, Sarawak and West Malaysia and the law relating to supplementary income tax;
 13. bagi membuat peruntukan bagi menggalakkan, dengan jalan di-lepas-kan daripada chukai pendapatan dan chukai daftar gaji, penubohan dan pembangunan perusahaan dan lain² usaha perdagangan dalam Malaysia, bagi memajukan eksept dan bagi maksud² yang bersangkut dan ber- kaitan;
 14. to amend the law relating to excise;
 15. bagi memberi kuasa kepada Badan Perundangan Sarawak membuat undang² berkenaan dengan peng-gunaan wang² yang di-pinjam di-bawah Ordinance Pinjaman (Pen-gurusan Sekolah), 1964, Negeri Sarawak untuk maksud² yang tertentu;
 16. untuk membuat peruntukan bagi mengawal benda² radioaktif dan radas pendiangan dan bagi perkara² yang berhubung dengan-nya;
 17. to amend the National Land Code (Penang and Malacca Titles) Act, 1963;
 18. to amend the Wild Animals and Birds Protection Ordinance, 1955;
 19. bagi membuat peruntukan berkenaan dengan Lagu Kebangsaan Perse- kutuan; dan
 20. to amend the Wages Councils Ordinance, 1947;
- dan menyerahkan-nya kapada Dewan Negara bagi di-persetujukan.

*(Sgd.) DATO' C. M. YUSUF,
Yang di-Pertua
Dewan Ra'ayat".*

URUSAN MESHUARAT

Tan Sri T. H. Tan: (Dengan izin) Mr President, Sir, I beg to give notice that I shall move the second and third readings of the following Bills at this meeting of the Senate:

- (1) The Supply Bill, 1968.
- (2) The Supplementary Supply (1967) Bill.
- (3) The Excise (Amendment) Bill.
- (4) The Malayan Estates Staff Provident Fund (Amendment) Bill.
- (5) The Banking (Amendment) Bill.
- (6) The Central Bank of Malaysia (Amendment) Bill.

- (7) The Finance Bill.
- (8) The Excise (Amendment) (No. 2.) Bill.
- (9) The Federal Capital (Amendment) Bill.
- (10) The Municipal (Amendment) Bill.
- (11) The Town Boards Enactment (Amendment) Bill.
- (12) The Hire-Purchase (Amendment) Bill.
- (13) The Investment Incentives Bill.
- (14) The Legislature of Sarawak (Application of monies borrowed from the Federation) Bill.
- (15) The Married Women and Children (Enforcement of Maintenance) Bill.
- (16) The National Anthem Bill.
- (17) The Radioactive Substances Bill.
- (18) The National Land Code (Penang and Malacca Titles) (Amendment) Bill.
- (19) The Wild Animals and Birds Protection (Amendment) Bill.
- (20) The Wages Council (Amendment) Bill.

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

TINDAKAN DI-AMBIL OLEH KERAJAAN BAGI MENGHADAPI KEKACHAUAN SAPERTI DILAKUKAN DI-PULAU PINANG

1. Tuan Saidon bin Kechut bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apa-kah tindakan atau kesiapan Kerajaan bagi menghadapi ancaman² kekachauan saperti yang di-lakukan oleh pengikut² parti siasah yang berhaluan kiri di-Pulau Pinang dan di-tempat² lain baharu² ini.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang tegas atas anasir² subversive atau samseng² yang chuba menimbulkan kekachauan dan rusuhan dengan tujuan mengancham keselamatan dalam negeri.

Siapa sahaja yang bergiat sa-chara mengancham keselamatan negara tindakan akan di-ambil di atasnya di-bawah Undang² Menchegah Jenayah, atau di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri. Untuk menjaga supaya ketenteraman negara terjamin, undang² menjamin keselamatan dalam negeri sentiasa di-semak dan di-perbaiki dari sa-masa ka-semasa. Sa-lain daripada itu pehak Polis bersamaan dengan pehak Tentera sa-memang-lah juga mempunyaï achara gerakan² yang sedia tersusun untuk menghadapi kekachauan sa-umpama yang berlaku di-Pulau Pinang ini dan juga Kerajaan tidak akan ragu² mengharangkan chawangan² pertubohan siasah yang menjalankan perbuatan subversive dan yang mengancham keselamatan negara dengan berlindong di-belakang parti² siasah yang sah di-sisi undang².

Kerajaan, Dato' Yang di-Pertua, telah mempelajari banyak perkara dari pengalaman yang kita telah chapai dan rasai dari peristiwa² yang berlaku di-Pulau Pinang dan di-tempat² lain. Sa-lain daripada itu juga Jawatan-kuasa Muhibbah atau pun *Goodwill Committee* telah banyak di-tubohkan di-tanah ayer kita dan mereka ahli² Jawatan-kuasa Muhibbah ini di-nasi-hatkan supaya terus selalu bertugas dengan tidak payah menanti satu² masa dalam mana satu² peristiwa itu ber-bangkit.

Tan Sri Haji Mohd. Noah bin Omar: Dato' Yang di-Pertua, di-dalam surat Khabar *Straits Times* hari ini (4-3-68), sa-orang Professor Syed Hussein Al-Atas ada memberi fikiran-nya berkaitan dengan kekachauan dalam negeri kita ini. Pendapat-nya ia-lah hasil daripada faktor² politik dan dia mengshorkan supaya di-adakan satu Jawatan-kuasa Khas berkenaan dengan hal ini. Saya hendak tahu apa pendapat Kerajaan atas shor yang di-chadangkan-nya itu?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, permohonan yang sa-macham ini, atau pun chadangan yang sa-macham ini, kalau tidak salah saya, telah di-buat di-dalam Dewan Ra'ayat dan pen-dirian Kerajaan di atas perkara ini ada-lah bahawa tidak-lah mustahak di-adakan Jawatan-kuasa yang tersebut

malahan sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum penyiasatan adalah di-jalankan berkenaan dengan perkara peristiwa yang berlaku di-Pulau Pinang dan juga menyiasat puncha² berbangkitnya peristiwa ini dan Kerajaan mengambil pendirian tidak ada faedah sangat jika di-adakan Jawatan-kuasa sa-bagaimana yang di-chadangkan di-dalam surat khabar hari ini, dan satu daripada sebab-nya penyiasatan yang di-jalankan oleh Jawatan-kuasa itu dan laporan yang akan dibuat daripada penyiasatan itu boleh jadi akan mengusutkan lagi perkara, membangkitkan lagi perkara yang tidak di-ingini yang harus menjadi pula puncha perselisihan pergaduhan di-antara satu dengan lain.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, apa-kah chara tindakan yang Kerajaan telah ambil bersangkut; (1) orang² gangster; (2) orang² subversive yang terlibat di-dalam rusuhan Pulau Pinang baharu² ini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sila ulangkan soal pertama, saya tidak berapa dengar!

Tuan Abdul Samad bin Osman: Apa-kah chara tindakan yang Kerajaan telah ambil bersangkut (1) orang² gangster; (2) orang² subversive yang terlibat di-dalam rusuhan Pulau Pinang baharu² ini?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Berkenaan dengan ahli² gangster, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat barangkali sedia ma'alum, masa berbangkit rusuhan di-Pulau Pinang dan di-tempat lain, Polis telah mengambil tindakan memberkas, menangkap gangster², ahli² gangster yang di-fikirkan telah atau pun akan digunakan oleh pehak² yang tidak bertanggong-jawab untuk menjalankan rancangan²-nya untuk menimbulkan huru-hara di-negeri ini. Ada keterangan di-pehak Polis bahawa kerana ada keterangan daripada pehak Polis pada masa berlaku rusuhan di-Pulau Pinang dan di-tempat² lain banyak juga dan ada juga pehak² ahli kongsi gelap yang telah di-gunakan oleh pehak² yang tidak bertanggong-jawab ini.

Tentang orang yang menjalankan pekerjaan subversive itu, tindakan telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menyiasati latar belakang orang ini, dan orang² yang telah menjadi ra'ayat negeri ini dengan chara mendaftar, atau *naturalization* akan di-luchutkan ke-warganegaraan-nya, kalau ada chukup bukti menunjukkan bahawa mereka telah bertindak membuat satu² perkara yang menunjukkan bahawa ta'at-setia mereka itu bukan kapada negara ini tetapi kapada negeri lain. Yang lainnya ada banyak juga yang telah ditangkap pada masa berlaku-nya peristiwa rusuhan di-Pulau Pinang itu, dan kebanyakannya daripada mereka ini maseh lagi di-dalam tahanan di-bawah Undang² Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Daripada orang² yang telah di-tangkap terlibat dalam rusuhan ini, berapa orang-kah yang telah di-luchutkan kera'ayatan-nya?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Dato' Yang di-Pertua, dukachita saya; kalau sa-kira-nya dapat saya notis terlebih dahulu, dapat-lah saya memberi angka²-nya. Kalau Ahli Yang Berhormat itu suka, sa-kira-nya boleh bertanya kepada saya sa-lepas daripada ini dan saya boleh beri angka² yang tepat berkenaan dengan bilangan² orang yang di-tangkap dan yang maseh di-tahan lagi.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, berapa orang yang sudah di-luchutkan, kalau ta'tahu angka pun.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Yang telah di-luchutkan kewarganegaraan-nya ia-lah sa-ramai empat orang.

Dato' Athi Nahappan: (*Dengan izin*) Implied in this question, Sir, is another question, that is, what does the Government propose to do to prevent disturbances of this kind from arising. There are two steps; one is to take measures after these had taken place, and the other is to take steps before they take place. Very often, Sir, the real master-mind behind all these are not those youngsters who

take part in these disturbances, but it is the real force behind this. Because of these disturbances the image of this country is often distorted abroad. So, Sir, would the Honourable Assistant Minister say that the laws of the country would be tightened up to prevent such disturbances arising at the source itself upon information being laid and what steps are being considered in that direction?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: (*Dengan izin*) As I have already stated just now, the Government will take steps always to study the existing legislation and, if possible, to tighten up laws whereby the security and peace of this country will be preserved or guarded. As the Honourable Member may probably be aware, the recent disturbances were as a result of action by the militant group of the Labour Party. The Government is keeping a very close watch and, as I said, would not hesitate to take stern measures against these people who are hiding under the cloak of legal organisations to carry out their militant acts; and along this line too the Government will, as I have stated earlier, not hesitate to take stern measures to deprive those people, who had been registered or naturalised as citizens, of their citizenship, if evidence is forthcoming that they were or they are guilty of acts which clearly show that they are disloyal to this country.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar, dan ada-kah Kerajaan sedar dengan kemaraan dan kejayaan askar² Vietcong di-Saigon ini menambahkan semangat kepada pengikut² parti yang berhaluan kiri untuk melakukan lagi tindakan² *subversive* dengan lebuh ranchak dan giat di-Malaysia ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada keterangan yang sah mengatakan kejayaan² pehak Vietcong di-Vietnam itu akan menggalakkan pehak² kiri menjalankan perkara² yang tidak dingini di-sini; tetapi, dalam pada itu, saya suka memberi penjelasan pada masa peristiwa berlaku di-Pulau Pinang dan tempat² lain ada keterangan bahawa sa-tengah² Ahli² Parti Buroh

yang saya katakan tadi berfaham militant ada bersimpati dengan perjuangan² pehak Vietcong di-Vietnam, malahan di-satu chawangan Parti Buroh yang di-masuki oleh pehak Polis, di-dapati dalam pejabat itu satu bendera Vietcong. Ini menunjukkan memang ada simpati dari parti² kiri di-sini yang berfahaman dan berpendirian militant dengan pergerakan atau pun perbuatan orang² Vietcong di-Vietnam Selatan itu.

KEKURANGAN BILANGAN GURU² DI-SEKOLAH² BAHASA PENGANTAR INGGERIS DI-JOHOR

2. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya bertanya kapada Menteri Pelajaran adakah dia sedar bahawa bilangan guru² di-sekolah² rendah dan menengah bahasa pengantar Inggeris di-Johor telah di-kurangkan apabila guru² ugama di-hantar ka-sekolah² tersebut dan ini mengganggu pelajaran penuntut², dan jika sedar, apa-kah tindakan dia berchadang hendak ambil untuk membetul keadaan ini.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini timbul berikutan dari arahan Kementerian ini berkenaan bilangan perjawatan guru² di-sekolah² yang bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan. Walau bagaimana pun, perkara ini sedang di-kaji sa-mula pada keselurohan-nya dan dengan berdasarkan kapada pengalaman yang terbit dari arahan itu, maka harus perlu di-ikhtiarakan chara² untuk mengelakkan keadaan itu.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat ketahui, ia-itu sekolah², sa-umpama di-Johor, Guru² Sekolah Ugama itu di-hantar ka-Sekolah Menengah ini ia-lah dengan bayaran Sekolah Ugama sendiri; yang demikian itu elok-lah Guru² Sekolah Menengah itu tidak di-tarek balek oleh Kerajaan; ada-kah itu benar?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar. Guru² Ugama yang di-Sekolah Menengah ia-lah bertanggong-jawab kapada Kementerian Pelajaran saya.

**TINDAKAN OLEH KERAJAAN
TERHADAP MURID² YANG
LULUS PEPEREKSAAN S.R.P.
DENGAN PANGKAT "C"**

3. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya
bertanya kapada Menteri Pelajaran apa-kah tindakan yang sedang di-ambil oleh Kerajaan berkenaan dengan 31,000 orang murid yang lulus pepereksonan S.R.P. dengan mendapat pangkat C tetapi tiada dapat belajar di-sekolah².

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, murid² yang telah mendapat keputusan Pangkat C dalam pepereksonan S.R.P./L.C.E. tahun 1967 boleh di-timbangkan untuk belajar sa-mula di-Tingkatan III jika mereka memenuhi sharat² yang tersebut:

- (i) Mereka hendak-lah mendapat sa-kurang²-nya peringkat lulus dalam mana² 7 mata pelajaran;
- (ii) Mereka tidak-lah tertahan di-mana² Darjah atau Tingkatan terdahulu-nya;
- (iii) Mereka yang telah belajar melalui kelas² Peralehan hendak-lah dari gulongan yang lahir dalam tahun 1951 atau terke-mudian. Lain² murid hendak-lah di-lahirkan dalam tahun 1952 atau terkemudian.

Semua murid² yang dapat Pangkat C yang telah belajar melalui kelas² express boleh di-benarkan belajar sa-mula di-Tingkatan III walau apa pun keputusan yang telah di-dapati oleh mereka.

Murid² yang telah mendapat Pangkat C dan telah lulus dalam mata² pelajaran berkaitan yang sesuai boleh juga meminta masuk sekolah² vocational. Walau bagaimana pun permintaan² mereka chuma akan di-timbangkan jika ada tempat yang kosong lagi dan chalun² yang telah mendapat Pangkat A dan B telah di-beri tempat.

Murid² yang tidak mendapat tempat untuk belajar sa-mula atau pun yang tidak dapat masuk ka-sekolah² voca-tional boleh menyambongkan pelajaran² mereka di-kelas² lanjutan, jika mereka mahu.

Tan Sri G. Shelley: (*Dengan izin*) Since these failures are children of about 15 or 16 years old who will not

be employable—they will not be allowed to be employed according to the laws, as I understand them—what help or assistance is the Government giving these children?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telah di-ubahkan dasar pelajaran mulaï tahun 1964, ia-itu sekolah anika jurusan untuk memberikan kapada semua murid² belajar di-sekolah rendah enam tahun dan tambahan sekolah menengah tiga tahun. Jadi murid² ini telah di-masukkan pepereksonan L.C.E. yang pertama oleh kerana murid² itu tidak mengambil bahagian pepereksonan bagi Darjah VI. Kementerian saya telah mengambil langkah² untuk menolong murid² mereka, akan tetapi tempat itu sangat kurang oleh kerana tambahan murid² yang banyak; jadi, Kerajaan telah mengubahan banyak langkah² umpama-nya murid² itu jika-lau dapat kelulusan tujuh mata pelajaran boleh di-naikkan, boleh di-timbang untuk dimasukkan ka-Sekolah Vocational. Kementerian Pelajaran susah memberikan apa² pertolongan yang boleh kepada mereka.

ALAT² PERSOLEK YANG DI-GUNAKAN DI-KEDAI² SOLEK

4. Tuan Saidon bin Kechut bertanya kapada Menteri Kesihatan ada-kah alat² persolek membesar buah dada wanita saperti yang di-gunakan di-beberapa buah kedai perusahan solek di-Malaysia sekarang ini telah mendapat kebenaran dari pakar² perubatan dan kesihatan sa-dunia dan ada-kah Kementerian Kesihatan puas hati kegunaan alat² tersebut tidak akan merosakkan kesihatan tuboh badan wanita² yang mengguna-nya.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang penggunaan alat² membesar buah dada wanita tidak berkehendakkan kebenaran daripada pakar² perubatan dan kesihatan antara-bangsa. Alat² yang sa-umpama itu, ada-lah di-fikirkan tidak merbahaya kapada kesihatan pengguna-nya.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar dengan membesar buah² dada wanita ini

tujuan-nya kerana hendak membanyakkan ayer² susu wanita kerana hendak menyusukan anak² kecil dan jika lau benar, ada-kah ranchangan daripada Menteri yang berkenaan untuk melancharkan satu kempen sa-bagaimana kempen meranchang keluarga untuk membesarkan semua buah² dada wanita di-Malaysia.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu alat² ini ia-lah di-gunakan untuk memperkembangkan benda² yang sudah kechut; jadi, bukan-lah tujuan-nya hendak mendapatkan lebeh susu seperti yang di-reka oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Saidon bin Kechut: Menurut keterangan tersebut, alat² ini di-pergunakan hanya sa-mata² kerana hendak membesarkan buah dada wanita, manakah agak-nya yang lebeh penting dari pandangan Menteri yang berkenaan, ia-itu sama ada membesarkan buah dada ini yang penting, atau pun mengeraskan buah dada yang penting.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir daripada membesar dan mengeraskan itu, membesarkan itu lebeh baik, kalau mengeraskan itu tidak seronok pula.

Dato' J. E. S. Crawford: Mr President, Sir, on a point of clarification, if there is too much interference by the Ministry, Sir, it would appear to me that the beauty parlours must go "busted", as it were. Thank you. (*Laughter*).

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dari segi kesihatan dan lain² bagi membesarkan buah dada ini, siapa-kah yang dapat sa-untong²-nya lebeh tinggi, ada-kah si-perempuan itu atau si-lelaki-nya atau si-anak-nya?

Tuan Bahaman bin Samsudin: Chuba ulang balek soalan itu.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Dari segi kesihatan kata-nya tadi hendak membuat besar buah dada; jadi dengan menggunakan untuk membesarkan buah dada ini, siapa-kah yang dapat sa-habis² benefit, ada-kah ibu-nya yang mendapat besar atau bapa-nya, atau anak yang hendak hisip itu.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Saya fikir ketiga² itu pun merasa belaka. (*Ketawa*).

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan² yang di-kemukakan dalam Dewan ini ada-lah tidak sangkut-paut dengan kepentingan kaum wanita di-negeri ini, maka saya tidak hendak kemukakan soalan, tetapi saya minta-lah soalan² sa-umpama ini jangan-lah di-lanjutkan lagi, kerana ada banyak lagi perkara² yang mustahak, perkara² mengenai nasib kaum wanita tidak di-binchangkan, tetapi yang di-binchangkan ia-lah "keras", "kembang", "kem-bong" dan ini-lah yang di-binchangkan dalam Dewan ini; saya sa-bagai sa-orang wanita yang dudok di-sini merasa sangat dukachita. (*Ketawa*).

Dato' Dr Cheah Toon Lok: Mr President, Sir, may I ask one significant question about this? Will the introduction of the use of this type of apparatus cause cancer of the breast?

Wan Sulaiman bin Wan Tam: On a point of order. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini nampaknya dia sudah jadi berlarutan. Mengikut dalam Standing Order perkara yang sa-macham ini tidak boleh di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Cheah Toon Lok ada bertanya dalam soalan tambahan minta jawapan daripada Menteri berkenaan perkara tersebut.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan cancer itu soalan lain; mesti berkehendakkan notis.

Tuan Saidon bin Kechut: Saya memang berasa tidak puas hati, kalau anggota wanita mengatakan perkara ini tidak ada sangkut-paut-nya dengan wanita; tetapi semua orang tahu fasal buah dada ini kepunyaan wanita-lah dan saya ingin hendak dapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan lagi, ia-itu oleh sebab kaum wanita ini ter-lampau banyak sangat pertandingan² ratu kechanteikan, ada-kah ranchangan agak-nya yang pemimpin² kaum ibu atau pun badan² yang biasa meng-anjorkan pertandingan² kechanteikan ini akan menganjorkan pula pertandin-gan kechanteikan buah dada wanita?

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, itu soal lain.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sukachitalah saya hendak berchakap sadikit lagi, ia-itu seperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang membawa soalan tadi, ia-lah suka-lah saya meminta menerusi Tuan Yang di-Pertua, minta jelaskan berapa percentskah kaum wanita yang tergilal² hendak membesarluan buah dada di-negeri ini. Saya minta penjelasan.

VISAS FOR TOURISTS VISITING MALAYSIA

5. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya (*Dengan izin*) asked the Minister of Commerce and Industry to state whether Government is aware that a number of tourists visiting countries neighbouring Malaysia are unable to visit Malaysia, because entry visas to Malaysia can only be obtained after a period of more than a week, and if so, what action Government intends to take, in order to facilitate such tourists entering Malaysia.

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh): (*Dengan izin*) Mr President, Sir, by law, visas are required for tourists from countries which do not have Visa Abolition Agreement with Malaysia. At present all the Commonwealth countries and 16 other countries have Visa Abolition Agreements with Malaysia. The length of time taken to issue a visa depends on the individual case of the tourist; sometimes it is only less than a week, sometimes it is more than a week. It can even be longer, if the tourist happens to be a stateless person. The Ministry of Commerce and Industry will be consulting the Ministry of Home Affairs to re-examine the position and it is hoped that a way can be found to expedite the procedures of issuing visas.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: I understand, Sir, that the fee for a visa is \$12. If it is true, is it possible for the Government to decrease the amount so as to increase our popularity in the future?

Dr Ng Kam Poh: Mr President, Sir, I think that is reciprocal in both countries. It takes equivalent values whether it is Japan or this country—equivalent

values on both sides. I do not want to lose revenue by decreasing the visa fees; also from their point of view, they will lose the revenue from their visa fees. I mean, this is reciprocal—it is not on a standard basis.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: Mr President, Sir, I would like to ask the Assistant Minister concerned whether the visas can be endorsed by our Commissioner in the country from which the travellers come?

Dr Ng Kam Poh: Mr President, Sir, that is the usual procedure. Let us take a hypothetical assumption of somebody from Japan wanting to visit Malaysia. The first thing he does is to go to our Embassy in Japan, gets his visa 'chopped' and then he pays a fee. Then, he comes to Malaysia. If a Malaysian wants to go to Japan, he will have to go to the Embassy of Japan, get his visas 'chopped', pay a fee, and then he goes to Japan. That is the normal procedure, Mr President, Sir.

RANG UNDANG² RANG UNDANG² PERBEKALAN 1968

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga
Tan Sri T. H. Tan: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, I beg to move that a Bill entitled "An Act to apply a sum out of the Consolidated Fund to the service of the year 1968 and to appropriate that sum and such other sums as have been authorised to be issued for the service of that year" be read a second time.

Dato' Y. T. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh): (*Dengan izin*) Mr President, Sir, Honourable Members would have read the Budget speech by the Honourable the Minister of Finance at Dewan Ra'ayat on 18th January, 1968, when he dealt at length with the vicissitudes to which our economies have been subjected during the course of 1967. It is a matter for satisfaction that in spite of the falling prices of rubber and tin, the recession experienced in the industrial countries of the West, the devaluation of the British pound sterling,

and the phased withdrawal of the British forces, Malaysia has continued to weather the storms successfully. This is a clear testimony to the fact that the Malaysian economy after the first decade of independence has shown resilience not expected of it a few years back.

I do not propose to repeat all that the Honourable the Minister has said in the Dewan Ra'ayat. However, a few salient points touched by him deserve repetition, at least to drive home the message that, unless his call for savings and sacrifices "involving the mobilisation of all the resources at our command to promote a steady increase of our national prosperity" is heeded and acted upon in a positive manner, the economy cannot hope to break through the take-off stage of growth. Honourable Members would have noted that it was the diversification of the economy achieved thus far, along with the political stability in the country that has contributed in no small measures to the present success. Even so, the rate of unemployment continues to pose a problem that needs to be overcome. Domestic retail prices, especially that of rice have risen somewhat sharply in contrast to the years prior to 1967. The phased withdrawal of the British forces from Malaysia by early 1970s, would affect adversely the employment situation to some extent. The public sector has reached its utmost in financing economic development.

These trends can be counteracted if we Malaysians tighten our belt and make sacrifices to provide savings for investment in order to generate greater economic activities. The political stability and various incentives provided by the Government should, in an enterprising society, attract investment. So far the public sector has been contributing the lion's share in the development effort in the country. The private sector could and should do more. The Investment Incentives Act which has been passed by the Dewan Ra'ayat should further stimulate the private sector into greater activity. I am confident that 1968 would prove to be a year of greater investment effort by the private sector. We can therefore continue to be

optimistic that the Malaysian economy would gather strength in order to be able to reduce further our dependence on imports by widening the range of products to be manufactured locally.

It will be noted that the ordinary budget expenditure for 1968 is in the region of \$1,932 million. The allocation of expenditure with the increase and decreases as compared to the 1967 Estimates are set out in the Treasury Memorandum (Command Paper No. 54 of 1967) accompanying the ordinary Expenditure Estimates. Estimated revenue, including the new revenue proposals, will total \$1,882 million, thereby bringing about an anticipated deficit of \$50 million. Clearly, deficits on current account are not to be treated lightly, but our expanding services in the field of education and health and our commitment to development programme have made this deficit inevitable. The only consolation is that a large proportion of the estimated expenditure is related to the development effort directly and indirectly.

I would conclude with the fervent hope that the private sector would respond to the call by the Honourable the Minister of Finance for savings and sacrifices in order to accelerate industrialisation thereby expanding the size of the economy. The Government on its part would ensure financial stringency and economy wherever possible, and implement only projects that would be of economic and social benefit to the country.

Tan Sri T. H. Tan: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, without any proposals for significant changes in our taxation structure, this year's Budget, is indeed, a soft one and we owe our thanks to the Honourable Minister of Finance for his considerateness. The magnitude of his considerateness can easily be gauged from the fact that inspite of short falls in revenue, development expenditure is being maintained at a very high level of nearly \$700 million. In addition, to meet the budgetary overall deficit for 1968 the Government is resorting to borrowing \$600 million—\$200 million from overseas and \$400 million from domestic sources—instead of increasing taxation.

The nation has noted with gratification that a higher proportion of the development expenditure for 1968 is for economic and social projects and a smaller proportion for security expenditure. Expenditure on economic and social projects are, in reality, an investment. It must necessarily take time for such projects to yield results. In the fullness of time, when these economic and social projects have created even better conditions of living than the present for our people, the wisdom of these projects will manifest itself by providing complete justification for the hundreds of millions of dollars spent on them, and future generations of Malaysians will reap the harvest of these projects.

However, nothing in this mundane world is perfect, least of all the budget of a nation developing as fast as Malaysia. Although this year's Budget is the least objectionable since our independence, it will, nevertheless, invite criticism, for alas, it is next to impossible to satisfy everyone.

Sir, I too have some criticisms to offer. I refer to the proposals for the levy of excise mentioned on page 57 of the printed speech of the Honourable Minister of Finance. Only the following items are involved:

soap, dental paste and powder, foam rubber products, mono-sodium glutamate or Aji-no-Moto, tyres and paints and varnishes.

Here, I would like to quote the words of the Honourable Minister. He said, "Since the manufacturers of these products are already well established and have a rapidly expanding market, and as the rates proposed are low, it is not proposed to increase the levy of import duties on these products. The additional revenue from these levies is estimated at \$4.4 million in 1968".

Sir, I am afraid I must say that it is not quite correct to say that the manufacturers concerned are already well established. It is more correct to say that they have barely come out of their teething problems. I know for certain that this is the case with the manufacture of Aji-no-moto because

I happen to be on the board of directors of that Company. I know that the Company, which is operating under a pioneer certificate, had hoped this year to clear the losses of the past three years. The company sought but failed to get protection for competition from any other manufacturer, who was willing to go into business without pioneer status, and now with the excise levy of 50 cents per pound, the company, its pioneer status and its attendant so-called privileges notwithstanding, would face a considerable loss unless it passes on the excise levy to the consumer: and if consumers have to pay more for the locally manufactured product than the imported one, they, the people, the voters, will begin to doubt the wisdom of granting pioneer certificates to industries.

Surely, it is not the intention of Government to encourage pioneer industries on the one hand and kill them with excise duties on the other. In the case of the products under reference, what is even worse is that Government does not intend to protect them from foreign competition, pioneers status or no pioneers status, because import duties on the same products will not be increased.

An appeal has been launched by the Chinese Chamber of Commerce and the Malaysian Manufacturers Association against increased licence fees for soap manufacturers and the imposition of excise duties at one cent per pound on locally manufactured soap. It has been pointed out to the Government that these impositions will hit the small soap manufacturers very hard. These small manufacturers are all Malaysians, who make the cheaper type of soap as compared with the dearer and luxury types made by the foreign investors in Malaysia. The Chinese Chamber of Commerce and the Malaysian Manufacturers' Association feel that it is wrong for the Government, literally speaking, to allow the big fish to survive by killing the small fish. I cannot help feeling that the Government has been ill-advised in this matter, and I can only plead for an early review by the Minister especially as the

revenue yield is not expected to exceed the flea bite proportion of \$4.4 million. Investors are not going to be impressed by Government's performance in this direction.

In spite of the soft Budget, there is no reason for Malaysia to look forward to the immediate future with undue optimism. Indeed, we must view with concern the falling prices of rubber, tin and palm oil, the effects of the devaluation of the pound sterling, and the British pull-out. Rubber, in particular, is not only making the people of Malaysia poorer but in fact, but also our Treasury poorer. Were it not for the purchases by the Communist countries, Malaysia and the other rubber producing countries of the world would have gone broke, and if the present attitude is any criterion, the so-called great democracies, whom we used to look up to as demi-Gods, could not care less. It is quite clear that so far as these democracies are concerned, we cannot expect from them a helping hand.

We must solve our problems ourselves. We must, for instance, urge people of the vast continents of Africa and India to use more rubber and help them to find ways and means of finding foreign exchange with which to buy our rubber. We should buy less, if not nothing at all, from the great democracies. Let us restrict our trading to those who buy from us.

I congratulate the Government, Mr President, Sir, on the measures we will enforce from June of this year to ensure that Malaysia will, physically, get the foreign exchange payments for our primary exports. These measures are long overdue. Whether these measures will make 1968 rather brighter for the private sector from the investment and development point of view remains to be seen. For certain, we know that the banks will enjoy more business in foreign exchange, but with more restrictions on the activities of banks, how the private sector will benefit is for the future to show. In this connection, Sir, there appears to be a slip in the instructions issued by the

Controller of Foreign Exchange. I quote:

"Where the goods are sold through an intermediary in the United Kingdom or to be shipped to countries outside the schedule territories, payments may be made in any of the currencies described or in sterling from a resident account".

I would like to call attention to the alternative "or in sterling from a resident account". This, Sir, I submit will negative all our efforts to bring the foreign exchange earnings from our primary exports back to Malaysia.

It is not possible, Sir, for me to talk about the 1968 Budget without reference to the devaluation of the pound sterling last year. Worse than the loss of actual money was the feeling of being let down by one whom we had always regarded as mentor and friend. I wonder if our Government can find any real justification for Malaysia to remain in the sterling area. What advantage to our national interests is there for Malaysia to remain in the sterling area? After the pound devaluation, which took place in spite of British promises, can we find any justification for keeping our reserves in sterling in the Bank of England? One can only hope that Bank Negara Malaysia will not be caught with its pants down for a second time.

Dr Ng Kam Poh: Mr President, Sir, if the Honourable Member will give way—I really do not want to disturb him—he objected to my saying "caught with the pants down" before; so I have to object to his saying "caught with the pants down". (*Laughter*).

Tan Sri T. H. Tan: I beg your pardon for what may be regarded as unparliamentary language, Mr President, Sir, but this is a very common term in English.

Having let us down, Mr President, Sir, in the realm of high finance, the British will now again let us down in 1970 when they pull out their armed forces who are stationed here under the British/Malaysian Defence Treaty. Here in Kuala Lumpur today is a distinguished representatives of the British Government commissioned with

the task of reducing to an absolute minimum the extent of British aid after the pull out. I hope this House will make it known in no uncertain terms that the people of Malaysia are distressed by a report that the British Government will give to Singapore greater assistance than it proposes to give to Malaysia. While it is not our intention to behave like poor beggars, looking for crumbs off the British table, we will nevertheless resent being treated in any derogatory manner. Let it be noted that, in the Malaysian view, British presence is not merely for prestige but indeed for the protection of the vast British vested interests in Malaysia.

In the L.C.E. Classes you have no place for them. You are trying to have some vocational schools and some technical schools, but you cannot absorb all. All the students that you have thrown into the streets have become gangsters—14 or 15-years old boys waving revolvers, robbing here and there. Even they went and robbed a Snack Bar, getting about \$100 from the Snack Bar. Six persons snatched the \$100. How much can they divide among themselves? Why all these frustrations? It is because our education policy is not well implemented. The policy is all right, but the implementation requires thinking. You must gather a group of people to think over the question of implementation, not only one Minister or one Education Adviser. That is not enough.

Sir, I think that we are also failing in bringing up a good society, in encouraging the parents to have a feeling of loyalty to this country, whether it concerns the family or the children, where you could ask a man to stand up to respect our National Anthem or to respect our Flag. There is so much frustration. What do you expect a man to do? He does not care for your National Anthem. He does not care for your Flag. If you will fine him \$1,000 also, he will go to jail. He does not care. There must be some ways of winning the hearts and the minds of the people. It can be done through education. What have we done? I think we have failed in this.

Now, Sir, I come to the question of security. On security in 1960 we spent \$135 million. In 1968 \$402 million—that means an increase of three times. Is that enough for a country of ten million people? Is that enough for a country with the Communist threat inside us? I think that is not enough. I have been with my Sultan to many of these military areas, accompanying him as his Dato' Istana, and I have seen the people doing military exercises I think we should expand our Reconnaissance Force. That is a Force which, I think, is second to none in the world. The people in the Reconnaissance Force are very good; it

is a Force comprising all the people of this country—a truly Malaysian Force—and I think they are tops, a very good Force, and I think more expenditure for expansion should be given to the Reconnaissance Force.

Now, I come to the debt servicing charges. In 1960 debt servicing charges absorbed \$80 million, in 1968 it has gone up to \$258 million; percentage-wise it rose from 9.3 per cent to 13.4 per cent. That means every year it is increasing. I understand that we pay quite a lot of money as interest on our debts. We could use this money, this interest; for our own purpose. But, no, we are borrowing and borrowing, every year there is a deficit account, and then who are the people to shoulder this? The children in this country, the future citizens of this country. Will there not be frustration when it comes to their turn to pay for all these which their forebears have done? Will they not say that all those "chaps" before had no foresight? It is no use wasting money without improving our condition. I think we must think better, instead of borrowing, borrowing money and paying so much interest.

The revenue for this year, 1968 is \$1,850 million; the expenditure is \$1,938 million, that means to say a deficit of \$88 million. That means every year we have a deficit—there is no surplus on our Budget. Every year, deficit; every year we must make up by taxation. There are all sorts of means to get money so that we can run the administration smoothly. But may I suggest to the Government new methods whereby there could be savings and there could be incentive for collecting revenue?

Firstly, I would refer to a remark by the Honourable Minister of Finance that the States are not pulling their weight on this expenditure. I know there are States who have borrowed \$20 million, \$30 million to pay their Civil Service, and there are States that have not collected title fees rent for many, many years. Administration in these States must be tightened up, so that we can get the States on their

own feet, so that they do not have to depend on the Federal Government for money or borrow money. They can run their own States very well with proper administration, but I am sorry to say that most of the States do not do this. They do not run the administration so well. So, in that area we can save \$40 million at least; Kelantan and the other States at least can save \$40 million a year if they can run their administration well.

Then, regarding the administration of the country and of the States, I believe it is top heavy, just a bit top heavy. We have got very good officers, no doubt, but there should be co-ordination within all these services, all these officers, but apparently there is no co-ordination. I have been to many offices, they have got to phone up to check this, to check that—it takes hours to check up this. Administration is good. I do not blame the officers, nor am I saying they are not good; they are good but there is a lack of co-ordination between one department and another. They must liaise. There must be a department to co-ordinate all the activities of these departments together, so that we have a single unit functioning, so that if we ask a question the officer concerned, takes up the phone and asks the co-ordinating officer, and the answer comes direct at once. Then everything will be all right.

Then, Sir, we have got potentialities, but the Government has not exploited it? We have got uranium in our country. We have got gold in this country. Why do I say gold in this country? In those old days people from Arabia, China and India came to Malaya for gold. We have places in Kedah even, places we called long ago Tumpat Jermu Mas, a place where they dry gold, and there are traces of gold mines in this country. We have not exploited them. There is uranium in this country. We have not exploited that. There is silver in this country and there is copper in this country. Plenty! And what is the Government doing? Maybe we have not got a Department of Minerals to go and exploit all these for the enrichment of our country. The

Government has not done its duty. It has done only administration work, but exploitation work is required to enrich everyone of us, so that everyone of us can live in comfort and this country can be run smoothly without frustration. Then, there is oil in this country. I was a pioneer in the oil industry in this country and I formed with the permission of the Government the Federal Oil Concession Ltd, but I failed because I investigated for oil on land, not on the sea board. Now, we know that on all the coastal areas we have got oil and gas—and that is for exploitation. We have not done it. We have allowed others to do it and later on the exchange will go out, instead of coming to our country. We may get a tax, but the exchange will go out from our country.

Therefore, Sir, the Government should wake up, and instead of giving incentives for others to exploit the country for themselves, create this incentive for our country. I agree with my Honourable friend Dato' Haji Mohamed Noah, that we should have an Economic Advisory Development Board to advise on developments in this country for the prosperity of our people, for the progress of the education of our children, so that we cannot lag behind as a "have-not" country in Southeast Asia.

We may speak very well about freedom. What is the meaning of freedom? Freedom from what? We must have certain things to be free from: free from hunger, free from danger, free from exploitation, free from debt, free from antagonism are some of the things that we have got to be free from, so that we cannot be frustrated. I hope the Government will have a special committee to go into the economic conditions of the country and to co-ordinate all the activities of our various departments, so that we can streamline our administration. Thank you, Sir.

Tuan Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Dato' Yang di-Pertua, saya suka berchakap di-sini atas tajok Anggaran Perbekalan tahun 1968. Baharu² ini di-Dewan Ra'ayat Ahli² Pembangkang dan juga Ahli penyokong

Kerajaan telah berbinchang dengan hangatnya atas peruntukan kita tahun 1968. Saya berasa sukachita juga menyatakan di-sini ia-itu bagi pehak saya, nampaknya, tidak ada siapa yang hendak menyokong di-Dewan Ra'ayat sana. Oleh itu saya harap pada Kerajaan supaya dapat melantek satu orang Wakil Orang Asli dudok di-dalam Dewan Ra'ayat sana supaya saya senang di-sini untuk menyokong atau pun membangangkan-nya. Saya harap kalau Kerajaan sudi *melantek* satu orang Wakil Orang² Asli dalam Dewan Ra'ayat sana, pertama kali-nya saya suka orang yang bijak pandai dalam hal orang² asli dan yang kedua-nya saya suka Orang Asli sendiri yang ada lepasan sekolah yang tinggi sa-takat di-masa ini. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong wang perbelanjaan untuk Pejabat Orang Asli bagi tahun 1968 yang mana berlebih daripada tahun 1967.

Jadi di-sini, Dato' Yang di-Pertua, selalu-nya apabila saya bertanya kepada Ketua² Pejabat mengapa-kah tidak dibuka ranchangan² yang lebeh² sadikit untuk Orang Asli². Kata-nya, wang tidak chukup. Dalam Anggaran ini saya tengok sekolah pun ada bertambah, perbelanjaan sekolah pun sangat melebeli. Ada pun Sekolah bagi Orang² Asli ini tidak sa-rupa keadaan-nya dengan sekolah bangsa² asing. Mereka semua ada mendapat bantuan dan segala²-nya. Jadi, di-sini saya perchaya juga-lah bahawa wang yang di-beri oleh Kerajaan untuk tiap² tahun sa-memang-nya tidak chukup. Saya mendapat tahu bahawa banyak kawasan² ranchangan² di-dalam negeri sama ada di-Johor, Negri Sembilan, Selangor, Perak, Kelantan belum menchukupi lagi ranchangan² untuk menambahkan ekonomi Orang² Asli dalam negeri ini, kerana wang peruntukan yang di-beri tidak chukup. Jadi, di-sini saya berharap kapada pehak Kerajaan khas-nya kapada Kementerian yang berkenaan supaya di-beri kasehan belas bagi menambahkan lagi peruntukan tersebut khas-nya untuk keselamatan dan ekonomi di-luar bandar bagi Orang² Asli. Sekian-lah sahaja Dato' Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Saidon bin Kechut: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Anggaran Belanjawan yang di-kemukakan oleh Menteri yang berkenaan dalam Dewan ini dan saya menyokong juga sa-bagaimana yang dikatakan oleh sa-tengah daripada Ahli² Dewan ini tadi bahawa Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1968 ini benar² sederhana dan tidak menimbulkan masaalah² besar dalam soal belanjawan negara.

Saya ingin hendak menyentoh atas beberapa perkara yang berkenaan dengan Kementerian² yang saya suka hendak menarek perhatian pehak yang berkenaan yang saya rasa mustahak untuk di-kemukakan di-dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh beberapa perkara yang berhubung dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, dan sa-belum saya sentoh perkara tersebut terlebih dahulu dengan ikhlas-nya saya menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang mana pada peringkat yang pertama ini, saya akan menyebutkan atas beberapa soal, ia-itu Kementerian yang berkenaan yang telah berusaha dengan sa-berapa daya upaya bagi mengatasi masaalah² kehausan tanah perumahan dan rumah² tempat kediaman dari ra'ayat jelata dan dari warganegara yang tidak mempunyai tanah dan rumah sendiri. Ranchangan yang di-jalankan dengan pesat-nya oleh Kementerian ini dengan mendirikan beberapa banyak rumah² murah, rumah² berkembar, rumah² pangsa dan pemberian tanah² tapak perumahan ada-lah bertujuan untuk memberi peluang kepada ra'ayat yang tidak mempunyai tanah dan rumah yang di-utamakan kepada penduduk² kawasan sesak di-dalam bandar dan di-kawasan² luar bandar, khas-nya di-dalam kawasan² Ibu Kota ini yang juga di-kenal dengan nama penduduk² rumah kilat atau rumah² haram, atau yang lebih sederhana di-sebut penduduk² rumah tanpa izin. Oleh sebab saya mendiami dalam sa-buah kawasan yang penoh dengan rumah² tanpa izin di-dalam satu kawasan Ibu Kota ini yang pen-

duduk²-nya sa-ratus peratus ia-lah dari kalangan orang² Melayu tulin, dan chara kebetulan pula kedudukan saya sendiri sa-bagai sa-orang Ahli Dewan dan sa-bagai sa-orang pemimpin tempatan, saya tidak dapat lari daripada terlibat dengan masaalah² kehausan tanah dan rumah ini yang sa-lama ini memang benar² memeningkan kepala saya. Maka suka-lah saya menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan yang berbentuk dan berchorak dari segi rumah haram dari kalangan orang² Melayu, saya tidak-lah bermaksud menimbulkan dari segi orang² Melayu, kerana sentimen perkauman, tetapi dalam segi pengalaman dan pengetahuan di-kawasan yang penduduk² rumah haram-nya ia-lah dari kalangan orang² Melayu.

Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang kita semua telah mengetahu i dan mengalami-nya bahawa masaalah tanah dan rumah bagi orang² Melayu di-kawasan Ibu Kota ini ada-lah satu hal yang telah lama melibatkan nama baik Kerajaan, satu hal yang telah lama menyenggong perasaan peribadi ra'ayat jelata yang sama² mempunyai hak² asasi, sama ada dari segi Kerajaan yang adil, dari segi ra'ayat yang berhak mendapat layanan daripadanya. Masaalah rumah² haram telah lama memeningkan kepala Pegawai² Kerajaan, dan ra'ayat yang terlibat pula telah lama merasa tidak berpuas hati dengan terbukti-nya Undang² Tanah yang telah di-nodaï sa-demikian rupa saperti yang dapat di-saksikan rumah² haram yang di-dirikan dengan berlarut² lama-nya di-sekitar kawasan Ibu Kota khas-nya di-Kampung Dato' Keramat, Kuala Lumpur, dengan sebab terlalu kerumitan menerima tekanan² yang di-timbulkan oleh masaalah rumah² dan tanah² untuk kediaman ini-lah, maka munchul-nya rumah² tanpa izin atau rumah² haram saperti chendawan tumboh di-waktu sa-lepas hujan. Dengan tidak memperdulikan amaran² Kerajaan atau apa sahaja tindakan Kerajaan yang hendak dilakukan mereka tidak kira, tetapi hanya satu sahaja tujuan mereka ia-lah sa-keping tanah dan sa-buah rumah untuk keperluan keluarga² mereka. Bagi pehak keluarga² rumah

tanpa izin khas-nya yang berada di-kawasan Ibu Kota atau pun di-Kampong Dato' Keramat ini amat-lah berasa bershukor dan amat-lah berasa terima kaseh kepada Kerajaan Negeri Selangor dan juga Pegawai² Daerah, Jabatan² Pegawai Daerah, Kuala Lumpur yang telah lama menchuba dengan sa-berapa daya untok mengatasi masaalah rumah² haram di-kawasan Ibu Kota ini yang dapat di-jadikan chontoh dan bandingan, memberikan layanan yang sa-baik²-nya, ia-itu dengan memberikan satu tapak tanah perumahan yang lain untok di-pindahkan mereka, walau pun dalam menjalankan tindakan ini berapa buah rumah haram telah terpaksa di-rubohkan dengan chara kekerasan yang menyebabkan sa-ribu satu macham pen-diteraan atas pandangan yang menyayat hati yang telah di-tanggong oleh penghuni² penduduk² rumah haram itu. Walau pun tidak ke-semuanya, tetapi sa-bahagian besar daripada keluarga² rumah² haram yang di-beri notis atau rumah-nya di-robohkan biasa-nya mereka di-pindahkan dan di-tempatkan di-kawasan² luar bandar, ia-itu kalau di-Ibu Kota ini di-pindahkan saperti di-Selayang Baharu, Sungai Tua, di-Lembah Jaya dan lain² di-luar kawasan Ibu Kota, tetapi bagi mereka yang belum terlibat den-gan tindakan Kerajaan ini, maka tinggal-lah mereka kekal sa-hingga sekarang, ada yang telah pulohan tahun lama-nya, tetapi maseh tetap juga ke-adaan kedudukan-nya ia-lah tidak lebeh dan tidak kurang sa-bagai keluarga yang dudok di-rumah² haram juga. Walau pun telah beberapa kali mereka memohon dan merayu untok mendapatkan sa-keping tanah pem-berian Kerajaan namun walau pun permohonan mereka mendapat jawapan, tetapi jawapan mereka itu maseh tetap hanya dalam perhatian juga, yang dalam keadaan-nya yang demikian pada satu masa yang tidak dapat di-tentukan, mereka juga sudah pasti akan menerima anchaman² dari tindakan Kerajaan saperti yang telah ber-laku kapada rakan² mereka yang ter-dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kurang-nya orang² Melayu dalam kawasan² bandar bererti-lah pula menidakkannya atau me-nurangkan undi orang² Melayu di-dalam kawasan bandar. Menurut ke-biasaan bagaimana yang telah di-laku-kan sa-lama ini, Kerajaan menerusi Pegawai² Daerah-nya bertindak dengan serta-merta merobohkan rumah² haram dengan kuasa undang², mengeluarkan surat² amaran dengan memberi tempoh² pendek sa-belum rumah² itu di-roboh-kan dan mereka terpaksa berpindah, atau di-pindahkan ka-suatu tempat di-luar kawasan bandar. Chara yang de-mikian, apa yang di-ketahuï sa-lama ini biar pun Kerajaan memberi sa-keping tanah untuk perumahan mereka, tetapi oleh keraja sumber² pencharian hidup mereka dan pelajaran atau per-sekolahan anak² mereka terletak dalam kawasan² bandar, kerana ketiadaan kemampuan untok belanja pengang-kutan serta kenderaan. Ini-lah yang menyebabkan tanah² tapak perumahan yang di-beri oleh Kerajaan di-kawasan² luar bandar kapada mereka tidak dapat di-diami oleh mereka, terbiar dan sa-tengah²-nya di-jual terus.

Dengan sebab itu-lah di-dapati me-reka² yang telah berpindah dan men-dapat tanah berada sa-mula mendirikan rumah² haram juga untok mereka tinggal di-kawasan² yang berdekatkan atau di-dalam kawasan bandar, kalau pun tidak di-kawasan lama mereka sa-belum mereka di-pindahkan. Itu-lah sebab-nya te'ah bagitu lama dan sa-bagitu banyak rumah² haram yang di-robohkan dengan kuat-kuasa undang² atau di-pindahkan, tetapi sa-hingga ka-hari ini bukan berkurangan, tetapi ber-lebeh²an! Hanya Wakil² Ra'ayat dan pemimpin² sa-tempat yang di-kawasan-nya terdapat masharakat rumah² haram sahaja-lah yang dapat merasai pahit getir-nya. Apabila berhadapan dengan masaalah² penduduk² rumah haram ini, terutama apabila mereka menerima an-chaman kemungkinan rumah² mereka akan di-robohkan, meraung dan me-ratap-lah mereka menemui wakil² ra'ayat dengan anak-pinak mereka dengan perempuan² mereka meraung dan meratap bagi menemuï wakil ra'ayat atau kapada pemimpin² tem-patan di-kawasan mereka. Di-tengah²

ratapan dan tangisan yang memerlukan tidak kurang pula maki-hamun, chachinesta yang telah di-lemparkan kapada wakil² ra'ayat dan kapada pemimpin² tempatan.

Kata mereka, apa guna-nya Kerajaan Perikatan, apa guna-nya orang² Perikatan kerana mereka tidak adil dan lain², dan oleh sebab amat merasa kechiwa dan derita, mereka telah kehilangan puncha dan kehilangan akal dan kadang-kala berlaku-lah sa-suatu perbuatan yang di-luar pertimbangan rasa peri kemanusiaan yang tidak dingini dan waktu ini-lah parti² siasah atau orang² persaorangan yang menentang Kerajaan mengambil kesempatan menjalankan jarum-nya sambil menyelam, sambil minum ayer atau menanggok di-ayer yang keroh. Di-sabalek tindakan dan chara perlaksanaan-nya yang di-jalankan sa-lama ini bagi mengatasi masaalah rumah² haram ini seperti yang tersebut di atas, satu hal yang menarek perhatian yang menyebabkan chadangan yang perkara ini saya kemukakan, kenapa-kah Kerajaan tidak memberikan tanah bagi tapak² perumahan kapada penghuni² rumah tanpa izin ini di-kawasan² yang berdekatan dengan mereka kalau tanah² itu layak dan sesuai di-jadikan kawasan perkampongan seperti yang di-sebutkan ia-itu di-mana kawasan² perkampongan haram berdekatan dengan kawasan² perkampongan di-kawasan Ibu Kota ini juga maseh banyak lagi tanah² yang kosong yang sesuai di-dirikan rumah²? Mengapa-kah masharifikat² ini tidak mendapat layanan sa-bagai sa-orang manusia yang harus mendapat nekmat di-dalam kawasan bandar, malah mereka di-pindahkan kawasan² di-luar bandar?

Pada hari ini jika mereka di-pindahkan, mithal-nya, sa-bagai chontoh di-kawasan Ibu Kota ini di-hantar ka-kawasan 10 atau 15 batu jauh-nya, mungkin dalam masa tidak berapa lama lagi tanah² di-kawasan ini akan berkurangan atau pun tidak ada lagi. Pada masa itu jikalau dasar ini maseh berjalan juga, maka tentu-lah perpindahan daripada masharifikat dalam bandar ini terutama-nya orang² yang menderita dari kalangan orang² Melayu ini akan di-hantar pula ka-kawasan²

yang barangkali 100 batu jauh-nya daripada kawasan bandar; akan tiba-lah sa'at dan ketika-nya satu masa nanti yang agak memalukan, ia-itu di-kawasan bandar nanti kita tidak akan dapat lagi melihat orang² yang dinamakan masharifikat bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soal ini saya ingin menyatakan lagi, ia-itu di-sa-tengah² tempat di-kawasan Ibu Kota ini ada kawasan² perkampongan yang baharu di-buka, ia-itu untuk di-berikan kapada pemohon² atau peminta²-nya di atas tanah yang menjadi kawasan perkampongan baharu ini sa-belum di-berikan kapada pemohon² yang baharu, telah sedia terletak di atas tanah itu juga rumah² haram yang sudah berpuloh² tahun lama-nya; yang mendukachitakan saya, ia-lah orang yang menegakkan rumah yang telah tinggal bertahun² sa-bagai penduduk rumah tanpa izin di-tanah kawasan yang di-berikan untuk tapak perumahan ini tidak dapat keistimewaan dan layanan, malah mereka ini menerima tindakan kekerasan dari Undang² Tanah yang telah di-jalankan oleh Kerajaan, sedangkan orang² yang lain yang lebih sempurna keadaan-nya mendapat pertimbangan dahulu daripada orang² yang saya sebutkan tadi. Ini satu perkara yang timbul yang benar² menyayat hati dan memeningkan kepala sa-siapa sahaja yang ingin hendak memperjuangkan, atau melibatkan diri dalam perjuangan masharifikat di-satu kawasan penempatan.

Sa-bagai sa-buah Kerajaan ra'ayat yang di-chipta oleh ra'ayat, Kerajaan dan pemimpin² ra'ayat tentu-nya tidak menghendaki ada sa-gulongan besar ra'ayat lagi maseh berkeadaan menerima tekanan dan kesempitan hidup yang berpuncha dari sumber² tanah tapak perumahan yang tersebut, tetapi sa-balek-nya da'awaan negara Merdeka, ra'ayat mewah, terkenal-nya Ranchangan Pembangunan dan meninggikan taraf hidup ra'ayat, tetapi di-dalam-nya bergelumang pula dengan aspek² sa-bilangan besar bumiputera yang terang² merupakan manusia yang terbiar dalam kesulitan berhidup dengan rumah² yang tidak sesuai dengan keadaan yang amat menjolok mata, tidak sesuai dengan semangat

Merdeka dan semangat pembangunan negara yang kedudukan-nya pula dalam kawasan Ibu Kota, entah di-mana mereka mendapat bekalan ayer, entah di-mana jalan² yang hendak di-pergunakan, entah di-mana pula bekalan apinya dan bagaimana pu'a ranchangan kesihatan masharakat-nya. Ini semua ada-lah memalukan, kalau di-ketahui oleh pelanchong² dari luar negeri. Tidak saperti mana sa-bagai da'awaan kita, negara kaya, ra'ayat mewah, yang mana keadaan ini kalau di-biarkan terus-menerus berpanjangan dan berkekalan akan menjatohkan image negara dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai mengakhiri rayuan memorandum ini sa-bagai menyatakan masaalah yang saya timbulkan berkenaan dengan rumah² haram ini, saya rasa insaf dan sedar bahawa Kerajaan² dengan tanggongan² yang te'ah di-pikulkan di atas bahu-nya memang chuba menjalankan ikhtiar dengan chara yang penoh bijaksana bagi menyelesaikan masaalah rumah² tanpa izin ini. Saya berpendapat kalau dengan chara² yang di-jalankan sekarang dengan menggunakan kuatkuasa undang² dengan memecahkan, dengan memindahkan dan berbagai² lagi, saya perchaya tidak akan dapat mengatasi masaalah rumah² tanpa izin ini.

Saya ingin mengemukakan kapada persidangan Dewan yang berbahagia ini, ia-itu mengemukakan shor atau pun fikiran² saya yang saya tujuhan khas kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang saya perchaya dapat mengatasi masaalah² perkampungan haram ini, supaya dapat di-jadikan pertimbangan hendak-nya dan sekurang²-nya untuk mendapatkan penjelasan. Saya ingin mengemukakan satu daripada-nya, ia-itu Kerajaan hendak-lah menjalankan penelitian yang agak segera, semua pemohonan² tanah tapak perumahan di-kawasan² bandar khas-nya di-kawasan Ibu Kota, mereka yang benar² sesuai dan menasabah hendak-lah di-berikan keutamaan bagi memileki tanah perumahan-nya sendiri.

Dan satu perkara lagi saya ingin mengshorkan rumah² pangsa yang di-sewa, rumah² tumpangan sementara

saperti yang di-sediakan oleh majikan², tidak-lah boleh di-istilahkan mereka te'ah mempunyai tanah dan rumah sendiri, kechuali rumah² itu di-jual kapada penghuni-nya dengan bayaran beransor², tujuan asal-nya ia-lah tanah dan rumah sendiri. Satu perkara lagi, semua tanah² Kerajaan yang kosong dan tidak ada apa² ranchangan yang kedapatan telah menjadi perkampongan haram, hendak-lah terus-menerus di-jadikan kawasan perkampongan yang halal.

Satu lagi shor saya ia-lah bekas tanah² lombong yang telah habis tempoh pajakan-nya yang telah di-dapati menjadi perkampongan haram, hendak-lah terus di-jadikan perkampongan yang halal.

Dan lagi bagi kawasan² tanah yang maseh kosong yang berdekatan dengan perkampongan yang ada di-kawasan² Ibu Kota, hendak-lah di-penohi lebeh dahulu dan di-jadikan kawasan perkampongan yang baharu bagi penghuni² rumah² tanpa izin yang meminta, dan pertimbangan hendak-lah di-berikan juga untuk membolehkan mereka² yang telah mempunyai tanah tapak perumahan, di-berikan tambahan lagi, oleh kerana tanah dan rumah-nya yang ada tidak mencukupi, kerana tanggongan keluarga-nya mempunyai jumlah yang ramai.

Bagitu juga dengan tanah² yang di-tinggalkan kosong buat sementara menunggu ranchangan² Kerajaan di-jalankan, boleh-lah di-berikan kapada pemohon² yang di-fikirkan mustahak untuk kegunaan sementara dengan kebenaran sa-chara T.O.L.

Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, rumah² tanpa izin bagitu luas kawasan tanah-nya yang di-duduki sa-chara yang tidak ada perhatian daripada Kerajaan, barangkali kalau-lah di-dalam belanjawan Negara kita hari ini, kita memikirkan barangkali soal belanjawan ini ada kala-nya kita chuba hendak mencari sumber² kedatangan wang, tetapi penghuni² rumah² tanpa izin ini, kalau di-fikirkan sa-balek-nya ia-lah orang² yang betul bebas dan merdeka, kerana tidak ada satu chukai, tidak ada satu bayaran yang di-kenakan, malah terpulang kapada kebijaksanaan

masing². Kalau-lah Kerajaan pada hari ini mengenakan bayaran² T.O.L. kapada tanah² yang di-gunakan buat sementara, maka sa-sunggoh-nya saya tidak tahu berapa banyak-kah jumlahnya pendapatan (income) daripada sumber² kewangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa panjang lagi Ahli Yang Berhormat hendak beruchap?

Tuan Saidon bin Kechut: Saya rasa panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini d-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Meshuarat di-sambong sa-mula pada pukul 2.30 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Meshuarat)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai menyambong dalam perkara rumah² tanpa izin yang telah saya sebutkan tadi, saya sampai kapada shor² atau pun pendapat² saya bagaimana hendak mengatasi masaalah rumah² haram di-kawasan² bandar di-negara kita ini, dan satu lagi shor saya, ia-lah tanah² bekas tapak² rumah per-kampongan haram yang mustahak di-kosongkan oleh sa-suatu kegunaan Kerajaan, hendak-lah di-kawal mene-rusi Dato² Penghulu, Ketua² Kampong, Ahli² Jawatan-kuasa Kampong, dan pemimpin² tempatan yang di-per-chaya'i, supaya mengawasi dan jika ada rumah² haram di-dirikan, hendak-lah melaporkan segera kapada pehak² yang berkenaan untuk di-robohkan; dan satu lagi wakil² ra'ayat sa-tempat yang terdiri daripada Ahli² Dewan Negeri dan Dewan Parlimen, Ahli² Majlis Perbandaran dan Majlis Tem-patan hendak-lah memberi sokongan

ikhtiar, tenaga dan moral bagi mem-bela kepentingan penghuni² rumah tanpa izin yang dahagakan tanah dan rumah, di-samping bekerjasama me-lichinkan perjalanan dan pentadbiran² Undang² Tanah Negara.

Di-dalam mengakhiri perkara rumah² tanpa izin, khas-nya di-kawasan Ibu Kota yang saya katakan, saya mem-punya'i pengalaman yang mana saya menjadikan perbandingan dalam perkara yang saya timbulkan tadi, saya ingin menyatakan di-sini bahawa dalam mempelupori gerakan ini saya telah pun menghantar satu permohonan kapada Kerajaan Negeri Selangor, ia-itu sa-keping pelan yang di-siapkan lengkap dengan lay-out-nya sa-kali yang luas kawasan-nya 150 ekar lebeh yang dapat menampong kira² 1,000 orang keluarga. Salinan² per-mintaan ini semua telah di-sampaikan kapada pehak² yang berkenaan dan sa-bagai akhir-nya dalam perkara ini saya merayu-lah kapada Menteri yang ber-kenaan, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, supaya memberikan sokongan ka-arah menjayakan chita² untuk mengatasi rumah² tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berpaling sadikit sa-lain daripada perkara itu ia-itu saya ingin hendak me-nyentoh pula kedudukan perkhidmatan Lembaga Letrik Negara, atau L.L.N. yang di-bawah Kementerian Per-usahaan dan Perdagangan. Saya amat tertarek hati dengan siap-nya pem-binaan sa-buah lagi steshen tenaga letrik yang besar di-Malaysia Barat, yang memakan belanja sa-banyak \$147 juta yang baharu² ini telah di-rasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak yang terletak di-kawasan Cameron Highlands, oleh kerana ter-lalu besar-nya ranchangan ini, menurut kenyataan rasmi yang di-berikan oleh Pengarah Jabatan Lembaga Letrik Negara bahawa ranchangan ini ada-'lah yang terbesar dan terakhir sa-kali. Ranchangan ini dapat membekalkan saloran tenaga letrik kira² 530 juta unit pada tiap² bulan. Kalau-lah benar ke-nyataan ini, ia-itu oleh kerana besarnya ranchangan ini, ini-lah ranchangan yang terakhir mengadakan steshen

tenaga letrik ini saya berasa sadikit keraguan dan ingin mendapat penjelasan dari Kementerian yang berkenaan, ia-itu ada-kah dengan bekalan sa-banyak 530 juta unit tiap² bulan dari steshen ini dapat menampong kepentingan keperluan seluroh pengguna² di-kawasan Malaysia Barat ini?

Saya menimbulkan persoalan ini, dari sebab memandangkan dan mendapati maseh banyak lagi kawasan² perkampongan di-Malaysia Barat ini yang berkeadaan gelap gelita oleh kerana tidak ada-nya bekalan letrik, maseh banyak lagi penduduk² kampong yang merasa kesal tidak dapat menuntun talivishen kerana tidak ada-nya bekalan letrik, dan maseh banyak lagi jalan besar di-dalam bandar dan di-kawasan² luar bandar yang gelap tidak mendapat bekalan letrik. Saya tidak tahu ada-kah kampong² atau kawasan² yang belum lagi menekmati tenaga letrik saperti yang tersebut di atas di-sebabkan tenaga letrik yang telah ada tidak menchukupi dan bagaimana pula sa-telah siap steshen letrik yang ada di-Cameron Highlands benaan yang terakhir itu bagaimana yang di-nyatakan, ada-kah dalam masa yang tidak berapa lama lagi tenaga letrik akan bersinar di-seluroh kampong dan kawasan di-Malaysia Barat. Maksud saya kira-nya jika steshen tenaga letrik yang ada maseh tidak dapat menampong kepentingan seluroh negara di-Malaysia Barat dan di-Malaysia Timor, Kerajaan di-bawah Kementerian yang berkenaan hendak-lah memberikan bantuan yang sa-chukup² nya bagi mengadakan ranchangan² yang dapat memenohi hasrat ra'ayat. Beberapa waktu yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, kedengaran beberapa orang Wakil² Ra'ayat dalam Dewan Undangan Negeri menuduh Jabatan Lembaga Letrik Negara bergerak saperti semut dan bertenaga saperti tahi kambing. Ini ada-lah membuktikan hasrat ra'ayat yang dahagakan bekalan letrik. Walau bagaimana pun saya tidak-lah sa-pendapat dengan kechaman² itu, kerana saya tahu saloran perbekalan letrik ada-lah di-salorkan menurut sistem² yang tertentu dan mempunyai kepentingan dari berbagai² segi. Apa

yang menjadi harapan saya ia-lah dalam waktu yang sa-berapa sengkat dan sa-berapa segera, hendak-nya semua tenaga perbekalan letrik dapat mengalir dan di-alirkan ka-seluroh kepentingan negara.

Saya ingin mengambil kesempatan di-sini untuk menguchapkan terima kaseh kapada semua kakitangan Lembaga Letrik Negara, terutama-nya sa-kali kepada Pengurusinya, Dato' Osman Talib, dan kapada Pengurus Besar-nya ia-itu Raja Zainal, kerana di-bawah pentadbiran kedua² orang kuat Lembaga Letrik Negara ini-lah maka Lembaga Letrik Negara telah dapat menjalankan langkah yang tegas memalayanisation-kan semua kakitangan jabatan-nya, mengambil kaki-tangan dan pekerja² untuk jabatannya dengan kota² (quota) yang di-arahkan oleh Kerajaan dengan tidak ada dasar perkauman dan pentadbiran majikan dengan kaki-tangan-nya sentiasa harmony, bertolak ansor dan bekerjasama sa-bagai satu keluarga. Dengan sebab itu di-bawah pimpinan kedua² orang kuat ini, tidak ada sa-barang kejadian dari Jabatan ini yang menyusahkan Kerajaan. Anchaman² mogok tidak pernah kedengaran dan perkara yang harus menarek perhatian sa-kali, ia-lah dalam masa yang sengkat Lembaga Letrik Negara telah berjaya mengeluarkan 165 orang jurutera² muda dan akautan² dari anak² Malaysia sendiri. Lembaga Letrik Negara ini-lah yang pertama sa-kali menempah sejarah membolehkan sa-orang wanita Melayu menjadi jurutera yang harus menjadi kebanggaan kapada seluroh wanita² Melayu, yang sa-harus-nya semua chontoh tauladan yang baik ini hendak-nya akan menjadi ikutan pula kapada jabatan² dan majikan² yang lain di-seluroh negara.

Sa-perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mustahak menimbulkan dalam Dewan ini ia-lah di-waktu ra'ayat Malaysia yang berbagai² ugama hendak menyambut Christmas, Hari Raya dan Tahun Baharu pada penghujung tahun 1967 yang lepas, kedengaran suara² sumbang ugutan dan anchaman dari salah satu Kesatuan

sa-Kerja dalam Lembaga Letrik Negara sendiri hendak mogok dan mem-black-outkan hari² perayaan yang hendak di-sambut oleh ra'ayat sa-chara besar²an itu. Saya tahu pemimpin² Kesatuan ini bukan-lah dari mereka² yang berpengalaman dan berpengalaman Trade Union yang sa-benar²nya. Mereka hanya menurut telunjuk dan arahan² daripada pintu belakang, mereka tidak tahu mengutamakan kepentingan Kesatuan sa-Kerja yang bertanggong-jawab dan tidak tahu apa akibat-nya mengancham dan memchahkan keharmonian ra'ayat negara ini. Tuan Yang di-Pertua, mereka hanya mahu mementingkan kedudukan mereka sahaja dengan mengenepikan kepentingan ra'ayat Kesatuan² sa-Kerja yang bersikap tidak bertanggong-jawab ini, sudah pasti tidak akan mendapat sokongan daripada ra'ayat, malah pemimpin² dan Kesatuan² sa-Kerja yang demikian akan hanchor ditangan ra'ayat. Akhir-nya ugutan dan anchaman Kesatuan² sa-Kerja Lembaga Letrik Negara ini telah gagal, di-patahkan oleh Kerajaan dengan satu pukulan maut terhadap-nya. Saya sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, kepada majikan² Lembaga Letrik Negara dan juga kepada Menteri Buroh yang telah mengambil langkah² yang bijaksana, kalau-lah tindakan Kesatuan sa-Kerja Lembaga Letrik Negara ini berjaya, kita semua Berhari Raya dan Berchristmas dan Bertahun Baharu dalam keadaan suasana yang gelap gelita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpaling sadikit lagi untuk menyentoh kedudukan Menteri Pengangkutan. Dalam perkara kira² dua ribu orang lagi kakitangan yang bukan warganegara yang berkhidmat dalam Jabatan Keretapi Tanah Melayu dari jumlah sa-ramai kira² 4,241 orang dalam tahun 1959—perkara ini pada mula-nya di-timbulkan dalam Dewan Ra'ayat yang baharu lepas. Sayangnya Menteri Pengangkutan sendiri tidak hadir. Saya amat terkejut dengan sikap lembut Menteri Pengangkutan yang tidak bagitu mementingkan keperibadian dan kepentingan ra'ayat negara ini. Lebih memerlukatkan lagi

penjelasan Menteri Pengangkutan yang menyatakan bahawa masaalah warga-negara ini ada-lah di-bawah tanggungan Kerajaan dan Kabinet sahaja yang dapat membuat keputusan. Saya merasa jawapan ini tidak-lah tepat yang sa-olah²-nya membayangkan gambaran Kerajaan dan Kabinet tidak bertunjangkan kapada keperibadian ra'ayat dari sa-buah negara yang berdaulat. Dengan chara dan sikap Menteri Pengangkutan yang lebeh mengutamakan, lebeh melayan dan lebeh mementingkan orang² yang bukan warganegara, bererti Menteri Pengangkutan telah sanggup mengenepikan kepentingan ra'ayat yang lebeh ber-kewajipan, lebeh berhak dan lebeh bertanggong-jawab daripada mendapatkan nekmat² hidup dari Kerajaan dan negara-nya sendiri.

Sunggoh amat di-kesalkan, dalam suasana Kerajaan dan negara sedang menghadapi masaalah² penganggoran yang besar dari ra'ayat-nya sendiri, di-tambah lagi dengan kesulitan dasar discriminasi yang di-tekankan oleh sa-buah negara dengan "Work Permit-nya" ia-itu ra'ayat yang bukan warganegara di-halau dan di-singkirkan dari keutamaan pekerjaan, maka Menteri Pengangkutan kita sa-telah tidak menjalankan kegiatan ikhtiar dan tenaga, sanggup pula mempertahankan dan berjinak² dengan penyengat² yang bisa yang akan mendatangkan lebeh kesakit dan lebeh kerosakan terhadap usaha² menyelesaikan masaalah penganggoran yang sa-makin rumit di-hadapi oleh Kerajaan ini. Saya rasa kerana menjaga salah faham di-antara pehak majikan di-satu pehak dan pehak R.U.M. atau pun Kesatuan sa-Kerja dalam Jabatan Keretapi di-satu pehak, untuk menimbulkan suasana aman dan di-tegaskan lagi oleh Menteri Pengangkutan, kalau salah faham di-antara kedua pehak itu timbul lagi, akan mendatangkan kerugian kapada Jabatan Keretapi Tanah Melayu. Saya rasa soal ini tidak ada kena-mengena lansong dengan soal dasar, malah lebeh terang membayangkan bentuk dan chorak Pengurus Besar dan Menteri Pengangkutan sendiri memehak dan tundok kapada R.U.M. yang mungkin boleh jadi kakitangan yang

bukan warganegara ini-lah yang menjadi latar belakang yang menimbulkan ketegangan pekerja² keretapi yang diwakili oleh R.U.M. di-satu pehak dengan Kerajaan yang di-wakili oleh Pengurus Besar di-satu pehak yang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, apa-lah akan jadi kapada nasib penganggor² yang puluhan ribu jumlah-nya, yang jumlah ini bukan sa-makin kurang makin bertambah² lagi dari sa-tahun ka-sa-tahun, dari ra'ayat dan warganegara kita sendiri yang mahu menyambong nafas untuk hidup, untuk mendapatkan pekerjaan dengan beberapa halangan dan ujian, dan di-ancham pula oleh perasaan lebeh mementingkan orang² yang bukan warganegara. Sa-sunggohnya akan sesia-lah ikhtiar² Kerajaan yang hendak mengatasi masaalah penganggoran malah dasar yang demikian akan menimbulkan lebeh banyak problem yang membikin lebeh jauh daripada mencapai kejayaan. Saya ingin menimbulkan di-sini, saya sendiri ada membacha satu kenyataan sebagai jawapan dari salah sa-orang Menteri yang hendak menjalankan dasar mengwarganegarakan pekerjaan² di-negara kita ini hanya sanggup pada tempoh tahun 1975 yang akan datang. Kemudian satu tekanan yang di-keluarkan dari kenyataan ini menyatakan ia-itu anak² warganegara terutama-nya bumiputra maseh lagi kekurangan dari pada serba-serbi pengetahuan yang di-mustahakkan dalam satu² pekerjaan. Saya rasa soal ini menyingga perasaan dan peribadi kita sa-bagai ra'ayat di-negara ini. Mithal-nya kalau pekerjaan² itu memustahakkan degree², berkehendakkan perkara² yang di-mesti-kan barangkali itu satu soal yang lojik, tetapi takkan-lah bagi pekerjaan² yang lebeh senang, yang lebeh mudah yang boleh di-jalankan sa-bagai kerja² kerani dan kerja² yang lain pun, maka dari pada warganegara kita daripada bumiputra kita tidak mempunyai kelayakan dalam perkara ini. Maka sa-sunggohnya kalau dasar mewarganegarakan pekerjaan² tidak benar² di-jalankan dengan sa-chara bijaksana, saya perchaya menyampaikan tahun 1975 yang akan datang satu mala-petaka yang besar akan di-hadapi oleh Kerajaan

terhadap penganggor² yang lebeh besar jumlah bilangan-nya. Ini satu perkara yang saya harap di-ambil perhatian oleh Menteri² yang berkenaan dan Kerajaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin menyatakan di-sini dalam soal kedudukan Menteri Pengangkutan imi, ia-itu di-Ibu Kota kita dengar dengan bangga dan megah-nya ia-itu Sistem Gelombang Hijau telah pun di-jalankan. Saya rasa oleh sebab saya sendiri pernah hari² berjalan di-dalam kawasan bandar, saya nampak ta' tahu di-mana kesilapan-nya dan kesalahan-nya dan ada-kah ini membaikkan atau lebeh memburokkan. Pada satu² masa dan satu² ketika Sistem Gelombang Hijau ini, saya rasa, ada kelanchoran-nya, tetapi banyak masa yang kita dapat saksikan ia-lah kesusahan kapada pemandu² kereta pada orang² yang menggunakan jalan raya bila tersukat sadikit berduyun²-lah kereta sa-panjang² jalan membuang masa dan membuang belanja kerana minyak motokar-nya habis di-situ sahaja. Jadi, perkara ini satu perkara yang saya harapkan dapat di-ambil satu penelitian supaya memikirkan kalau sa-kira-nya perkara itu mungkin menyusahkan akan dapat-lah di-chari ikhtiar² bagaimana harus hendak membaiki keadaan ini. Saya sendiri sampai-lah hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak lalu di-tengah² bandar Kuala Lumpur ini saya berasa takut, saya kena ikut jalan² yang luar daripada bandar Kuala Lumpur. Mithalan-nya, saya hendak datang ka-Dewan ini, saya ikut Jalan Pekeling sana, sebab saya takut bila tertahan sahaja, berjam²-lah kita. Kadang² kereta kita sudah agak longgar screw²nya, di-situ malu besar-lah kita, dan kadang² di-tempak pula oleh Pegawai² Lalu-lintas yang sedang berkawal di-situ.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melanjutkan sadikit lagi. Saya hendak menyentoh soal kedudukan Menteri Penerangan dan Penyiaran. Pada masa pilehanraya di-kawasan Baling Barat, saya ada pergi ka-sana, dan saya sendiri duduk dalam kawasan bandar Baling ini, saya hairan bagaimana

peti² talivishen tidak dapat mengeluarkan gambar² yang betul² dapat diminati oleh peminat² talivishen dalam kawasan sa-tengah batu dalam bandar Baling ini, kawasan $\frac{1}{2}$ batu itu sahaja yang terjadi problem-nya. Tetapi kawasan yang di-luar sa-tengah batu dari pada Bandar Baling ini terang gambar-nya dan boleh di-minati dengan chukup puas hati. Hanya kawasan sa-tengah batu sahaja berlaku keadaan demikian, bukan sahaja talivishen, tetapi radio bagitu juga. Jadi, saya dengar penduduk² pekan Baling ini sendiri menyampaikan kapada saya rasa tidak puas hati apa-kah sebab-nya perkara ini boleh berjaku dan keadaan ini telah berlaku bertahun² lama-nya. Kalau-lah ra'ayat yang ada di-tempat ini mengeluarkan wang yang bagitu banyak bagi membeli peti² talivishen, kalau t'dak di-beli orang lain ada dan benda ini memang di-sediakan, tetapi kalau keadaan yang tidak tenteram ini, tentu-lah sesia wang ra'ayat dan harus-lah perkara ini di-ambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Satu perkara lagi berkenaan dengan Kementerian yang tersebut juga, ia-itu kalau-lah saya mengatakan Dewan Ra'ayat mendapat layanan yang lebih utama, yang lebih istimewa daripada Dewan Negara; ini satu perkara yang saya rasa sama ada mahu, atau tidak mahu, pernah timbul dan di-timbulkan di-dalam beberapa perbahathan. Saya tidak mengatakan Dewan Ra'ayat lebih tinggi, dan Dewan Negara lebih rendah, atau Dewan Negara lebih rendah, atau pun Dewan Ra'ayat lebih tinggi, tetapi biasa-nya kalau-lah sa-suatu perbinchangan masaalah² negara Dewan Ra'ayat-lah lebih dahulu bersidang dan memakan masa sampai berbulan², dua bulan sa-bagaimana yang telah sudah² dan Dewan Negara ini walau pun sa-kira-nya bersidang dua hari, tiga hari, atau empat hari, tetapi dahulu-nya Dewan Ra'ayat, kemudian-nya baharu-lah Dewan Negara bererti kalau sa-kira-nya kita hendak melukis sa-buah gambar lukisan, kita terpaksa kalau hendak melukis tuboh badan, kita lukis kaki dahulu erti-nya fasal Dewan Ra'ayat itu di-dahulukan, Dewan Negara di-kemudiankan; lukis kaki, lukis badan-nya,

baharu-lah di-lukis sampai leher. Kalau hendak di-lukis tuboh badan, kalau lukis sampai leher, erti-nya lukisan tuboh badan itu tidak ada kepala. Maksud saya Dewan Ra'ayat dapat layanan, dapat laporan² di-keluarkan dalam peti² talivishen pada tiap² malam ada laporan daripada Dewan Ra'ayat; manakala Dewan Negara ini tidak pernah ada, kalau ada pun jangan tidak. Kadang² di-keluarkan usul-nya nama orang yang membawa usul itu tidak di-sebut—Gambar jauh sa-kali-lah. Jadi kalau ibarat melukis gambar, saya harap Menteri yang berkenaan ini tidak usah-lah menjadi akitek melukis tuboh badan, tetapi badan, tangan, kaki semua-nya ada kepala tidak ada, kerana Dewan Negara ini di-kemudiankan, erti-nya Dewan Negara ini-lah kepala gambar. Jadi tentu-lah satu perkara yang ganjal, kalau sa-sa-orang pelukis melukiskan tuboh badan, tetapi badan sahaja ada, kepala tidak ada. Jadi Menteri yang berkenaan kena-lah belajar melukis lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian satu perkara lagi berhubong dengan sa-buah surat khabar keluaran daripada negara kita ini yang bertulisan Rumi; surat khabar ini biasa-nya tiap² minggu mengeluarkan keluaran mingguan, ia-itu memuatkan cherita² siri mata² gelap. Dalam cherita siri mata² gelap ini yang menekankan gambaran bagaimana te-latah cherita mata² gelap ini berjalan ia-lah di-saingkan dengan gambar² bogel, atau gambar² yang sa-paroh bogel. Ini saya rasa siapa yang membacha surat khabar tulisan Rumi keluaran mingguan, dia akan jumpa perkara ini. Saya tidak tahu apa-kah kepentingan-nya, maka gambar² bogel dan sa-paroh bogel ini di-sesuaikan dengan siri cherita mata² gelap, apa-kah ada daya penarek-nya, atau ada daya penolak-nya. Jadi soal-nya bagi saya tentu-lah, kalau hari ini bila kita timbulkan soal buah dada, saya nam-pak ada orang marah dengan saya; ini satu perkara yang tiap² minggu menjadi gambaran yang nyata, apa-kah ini tidak menarek perhatian, tidak menarek minat kepada pehak² yang berkenaan yang mengatakan ini tidak ada

kena-mengena dengan kapada masyarakat apa lagi dengan kaum wanita? Soal ini, saya kemukakan kerana memikirkan banyak masaalah² burok-nya yang timbul dan boleh saya katakan saya sendiri pun kalau hendak membacha saya berebut membeli tiap² kali hari minggu, Akhbar Mingguan, kerana hendak menengok gambar ini. Kalau orang lain tidak berchakap, saya chakapkan terus bahawa kerana ada daya penarek ini, kerana ada gambar bogel, dan sa-paroh bogel yang disesuaikan dalam ruangan siri mata² gelap. Saya tidak tahu bagaimana-kah sa-orang mata² gelap berkechimpong dengan pandangan² khayal yang demikian boleh berlaku sa-bagai bukti peranan kakitangan yang menjaga keamanan dalam negeri ini. Dan saya rasa memang patut-lah pada masa dan ketika-nya yang ada sekarang, penulis² atau pun pengarang² yang terkenal dengan beberapa angkatan² sasterawan, penulis² novel, penulis² cherpin, dan lain² yang kita nampak makin banyak tumboh di-tanah ayer kita, patut-lah dalam surat² khabar ini juga atau pun kalau dapat kalau tidak di-bukukan pun, cherita² sejarah yang tepat dan tegas berhubung dengan perjuangan negara kita sendiri, ia-itu mithal-nya berhubung dengan bagaimana sa-sabuah parti siasah menchiptakan kemerdekaan negara; siapa-kah pemimpin² nya ibarat-nya pada masa dahulu, pada permulaan Allah-Yarham Dato' Onn bin Ja'afar, siapa-kah di-belakang Dato' Onn bin Ja'afar, siapa-kah yang menaikkan Dato' Onn, siapa-kah yang memberikan peranan dan dorongan; sa-patut-nya cherita² sejarah yang demikian ini sa-harus-nya penulis² novel dan juga pengarang² yang bijaksana mengator sa-buah buku supaya menjadi satu sejarah di-masa yang akan datang, tetapi malang-nya kalau ada pun pada hari ini, penulis² luar, penulis² dalam negara kita, kalau ada pun menchedok sadikit² daripada bahan² yang di-tulis oleh orang² luar. Ini saya rasa satu perkara penting yang saya serukan kapada penulis², kapada pengarang², kapada wartawan² dan kapada angkatan sasterawan itu dan ini dan bermacham² lagi supaya memperkembangkan satu chatetan

sejarah yang patut kita banggakan dan akan menjadi kenangan sa-umor hidup kapada anak chuchu kita di-masa yang akan datang.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentoh kedudukan Menteri Buroh ia-itu, saya mendapat tahu baharu² ini di-dalam salah satu gudang perusahaan—Perusahaan Membuat Manchis Api yang ada di-Petaling Jaya, ia-itu sa-chara besaran² pada sa'at ini pehak majikan telah pun membuang daripada pekerja² yang sa-bilangan besar orang² Melayu yang bekerja di-dalam perusahaan itu. Pada satu masa, ia-itu di-waktu permulaan gudang perusahaan ini di-jalankan, sa-orang daripada Pengurusnya, ia-itu sa-orang lama yang telah memberikan banyak simpati kapada anak² bumiputra dengan menurut ketentuan yang di-sesuaikan dengan kemahuhan negara. Saya tidak tahu sa-telah datang-nya majikan yang baharu ini maka Pengurus yang baharu ini telah mengambil satu tindakan yang di-ambil sa-chara besaran² yang pada hari ini tidak kurang dari 200 orang telah di-buang kerja daripada perusahaan ini dan dalam beberapa bulan lagi menurut ranchangan-nya kesemuanya sa-kali pekerja² daripada bumiputra itu akan di-buang. Perkara ini selalu sangat di-timbulkan. Masaalah gudang² perusahaan dan perniagaan yang datang ka-negeri kita untuk menanamkan modal, selalu sangat kita dengar ada chara² yang tertentu untuk bertimbang rasa terutama-nya dalam soal memberikan pekerjaan kapada bumiputra, tetapi sa-bahagian besar daripada perusahaan² ini yang kita nampak tidak langsung mahu menghormati apa yang di-kehendaki oleh Kerajaan dan di-kehendaki oleh masyarakat negara kita sendiri. Mereka hanya tahu mementingkan keuntongan dan faedah diri mereka sahaja, kalau keadaan demikian maseh berjalan lagi dasar-nya, berlanjutan dan berkekalan bagaimana yang saya katakan tadi, soal kepentingan negara kita sendiri akan terkebelakang dan di-tinggalkan.

Saya berseru kapada Kerajaan dan juga kapada Menteri² yang berkenaan supaya menjalankan sistem meng-Kerajaankan semua untuk kepentingan

Kerajaan, dan menegarakan semua untuk kepentingan negara, kalau benar² mahu mempertinggikan dan mahu menguntungkan keperibadian negara kita sendiri, kalau hanya hendak melepaskan batok di-tangga sahaja, itulah yang saya katakan bahawa kita akan berasa kesal nanti oleh kerana ra'ayat yang tidak puas hati akan bertambah² banyak bilangan-nya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu berhubong dengan pembuangan kerja bagi pekerja² 'Awam di-Jabatan Perang yang ada di-tanah ayer kita yang di-tadbirkan oleh Kerajaan British. Saya tahu baharu² ini pehak Kesatuan² Sa-kerja dalam Jabatan Perang British ini, pehak kesatuan atau pehak union ini, telah menuntut supaya pembuangan kerja dari tindakan menarek balek Tentera² British daripada kawasan negara kita ini di-jalankan dengan sa-chara berperingkat² dan beransor², maka kaki-tangan 'awam di-Jabatan Perang ini terpaksa di-luchutkan jawatan-nya dan pehak Kesatuan Sa-kerja atau union mengemukakan chadangan-nya mendesak dan menekankan supaya pekerja² 'awam di-Jabatan Perang British ini yang akan di-buang kerana mengurangkan pekerjaan mereka, ia-itu hendaklah orang² masok bekerja kemudian—orang² yang masok bekerja mulaï daripada tahun 1957.

Saya ingin menarek perhatian di-sini, ia-itu daripada 6,000 orang lebuh ku-rang yang masok bekerja menjadi kaki-tangan 'awam dalam Jabatan Perang British mulaï daripada tahun 1957 daripada jumlah 6,000 orang ini sa-tengah daripada-nya ada-lah warga-negara Malaysia sendiri dan kalau-lah tindakan Kesatuan Sa-Kerja dalam Jabatan Perang ini di-layani, erti-nya lagi sa-kali kita telah membahayakan, mengancham kedudukan warganegara kita sendiri yang benar² memerlukan kehidupan dengan mata pencharian-nya. Saya suka menarek perhatian Menteri Buroh—tetapi malang-nya dia tidak hadzir—supaya chuba meng-atasi masaalah ini dengan menchadangkan kapada Kerajaan British. Kalau hendak membuang pekerja² 'awam di-Jabatan Perang ini, tolong-lah

dahulukan orang² yang bukan warga-negara ini, kerana mereka ini ada-lah menyusahkan dan merampas hak asasi daripada warganegara ra'ayat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka hendak menarek perhatian di-sini masaalah orang² penchen. Saya timbulkan masaalah ini yang saya tujukan lebuh utama ia-lah orang² yang bersara yang berpenchen daripada Angkatan Bersenjata, mithalan-nya daripada Pasukan Askar dan juga daripada Pasukan Keamanan dan Pasukan Polis. Saya tahu persatuan orang² penchen ini terutama-nya dalam Bahagian Polis ini mempunyai Persatuan yang sentiasa ingin memperjuangkan nasib orang² penchen yang menjadi Ahli Persatuan, tetapi saya tahu sa-bilangan besar untung nasib mereka ini tidak pun di-ketahui, tidak pernah dikemukakan dan tidak pernah sampai ka-tengah dan banyak orang² yang bertanggong-jawab tidak mengetahui keadaan yang sa-benar-nya. Saya menimbulkan masaalah ini lebuh kapada orang² yang berpenchen daripada Anggota² Pasukan Bersenjata ini, kerana kita memikirkan dalam masa tenaga mereka di-kehendaki, tenaga mereka maseh berguna, mereka telah menghabiskan masa-nya dalam jawatan-nya dengan penoh ta't setia dengan menghadapi beberapa bahaya dan di-antara mereka sanggup bermatiian² mengorban-kan jiwa-nya kerana kepentingan negara dan keamanan kita semua. Tetapi apabila tenaga mereka telah tidak di-kehendaki lagi, maka dia di-beri-lah bayaran² yang hanya barangkali untuk dapat bernafas sadikit waktu sahaja. Jadi, dengan sebab walau pun tenaga mereka ini sudah tidak di-perlukan lagi, tetapi mengenangkan jasa² besar dan mengenangkan perkhidmatan dan pengorbanan mereka sa-lama ini, saya rasa di-samping Kerajaan sanggup memberikan pertimbangan di atas ke-perluan² hidup dari segi pencharian², dari segi² layanan² kapada orang² lain yang menerima layanan daripada Kerajaan, hendak-nya orang² yang bersara ini, terutama-nya daripada Anggota² Pasukan Bersenjata kita, harus-lah di-berikan perhatian yang berat. Ini saya keluarkan dengan perasaan yang penoh

kejujuran dan timbang rasa kerana saya nampak masyarakat ini terbiar dan tidak pernah di-ketengahkan oleh sa-siapa pun.

Jadi, saya sa-kali lagi menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada semua pehak² yang berkenaan dan kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang bagi saya beruchap. Terima kaseh.

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang² Perbakalan, yang sedang di-bahaskan sekarang ini. Di-samping itu saya suka berchakap sadikit berkenaan dengan ekonomi bumiputra atau ekonomi luar bandar. Dua orang Ahli Yang Berhormat telah pun menyentoh perkara ini, sa-orang daripada-nya ia-lah Yang Berhormat Senator Dato' Dr Cheah Toon Lok, yang berkata sekarang ini, di-waktu baru sahaja lepas memotong padi di-Kedah, banyak peladang² datang ka-pekan membelanjakan wang-nya dengan boros dan di-shorkan patut di-adakan suatu Jabatan Kerajaan untuk memberi nasihat kepada peladang di atas ilmu chermat jimat.

Dalam Dewan Ra'ayat baru² ini, peruntukan wang sa-banyak \$580,000 telah pun di-luluskan untuk di-beri pinjaman kepada penanam² padi dalam kawasan Perayeran Sungai Muda habuan di-gunakan bagi perchubaan atau experimen menanam padi dua kali sa-tahun, dan pinjaman itu di-bayar kembali pada masa padi masak kelak. Pada pendapat saya wang untuk experimen yang ada kala-nya rugi dan ada kala-nya untung itu, sa-patut-nya di-tanggong oleh Kerajaan saperti biasa di-perbuat oleh Pejabat pertanian, lebh² lagi di atas perkara kebaikan national.

Lagi satu perkara berkenaan dengan Ranchangan Perayeran Sungai Muda jua, ia-lah peladang² itu tiada lagi boleh menanam padi sa-chara lama. Mereka di-kehendaki mendapat bantuan pinjaman tunai, baja, menggunakan tractor, jentera memotong padi dan lain² lagi supaya membolehkan mereka menanam padi dua kali sa-tahun. Pada masa yang lalu pertolongan² yang sa-umpama itu telah di-dapati daripada

Sharikat Kerjasama mereka yang bertaboran di-serata kampong, yang tiada mampu memberi bantuan sa-chara besar-an untuk menanam padi dua kali sa-tahun. Parlimen telah pun luluskan suatu undang² supaya dapat di-tubohkan Persatuan² Peladang. Pertubohan² ini hendak-lah di-dirikan sa-berapa banyak yang berpatutan, dengan sa-berapa segera yang boleh, meliputi kawasan Perayeran Sungai Muda itu, mengambil tempat Sharikat-kerjasama, supaya bantuan² Kerajaan yang berupa wang atau kebendaan dan lain² itu dapat di-salorkan kapada peladang² dengan sempurna. Ranchangan Perayeran Sungai Muda akan siap dalam tahun 1970, di-waktu itu 330,000 ekar sawah padi dalam Kedah dan Perlis akan dapat ayer mencukupi untuk menanam padi dua kali sa-tahun.

Ada-lah pekerjaan menubohkan Persatuan Peladang² sekarang ini di-tugaskan kapada Pejabat Pertanian dengan tiada ada tambahan pegawai-nya. Dalam negeri Kedah, sekarang ini, chuma ada satu Persatuan Peladang sahaja yang telah di-tubohkan, itu pun maseh belum di-daftarkan lagi. Oleh kerana mustahak-nya Persatuan² Peladang itu di-tubohkan dengan sa-berapa segera, saya shorkan, perkara penuhohan Persatuan² itu, bagi sementara waktu, di-tugaskan kapada Pegawai² Sharikat-Kerjasama, oleh kerana mereka telah ada pengalaman dalam pekerjaan penuhohan sharikat-kerjasama di-kampong². Sa-kira-nya Persatuan² Peladang yang tersebut itu tiada dapat di-tubohkan mulai sekarang ini, saya bimbang maksud utama yang di-perbuatkan Ranchangan Perayeran Sungai Muda, untuk meninggikan taraf ekonomi luar bandar dan mengadakan chukup beras habuan gunaan sendiri dalam Malaysia, tiada dapat di-chapai dengan sempurna, pada mula-nya, dalam 1970 akan datang ini. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri ada-lah menyokong Rang Undang² Perbekalan yang telah di-bentangkan di-dalam Dewan Negara hari ini. Sa-kadarkan saya berdiri di-sini untuk menyampaikan satu dua perkara

yang kecil yang mana perkara ini, rasa saya, belum lagi di-sebutkan walau pun di-dalam Dewan Ra'ayat, kerana saya katakan bagitu perkara yang saya sebutkan ini ada-lah kecil sahaja, tetapi kalau di-biarkan keadaan-nya bagini, saya yakin dan perchaya akan melibatkan beberapa Jabatan yang lain dan mungkin boleh merosakkan nama baik Jabatan itu.

Satu daripada perkara yang hendak saya sebutkan bagaimana-kah chara pelabuhan Port Swettenham kita sama-sa menampong Jumaah Haji, orang² kita di-Malaysia ini yang hendak pergi menuaikan fardhu haji sangat-lah susah-nya mereka itu hendak menaiki kapal, sa-hinggakan berpeloh² dan Pasokan² Polis kita pun terpaksa menge-luarkan perkataan² yang kasar kapada mereka yang hendak menaik kapal pada hari itu. Yang di-mushkilkan sa-sudah pengantar²-nya di-beri tiket, atau pun pass masok ka-pelabuhan itu tidak dapat menempoh jalan yang sempurna bahkan mereka yang hendak pergi haji itu juga di-biarkan berhempet, bertolak dengan orang yang hendak menghantarnya. Jadi, saya harap pehak yang berkenaan, atau pun Kementerian yang bersangkutan mengambil perhatian tentang perkara ini, kerana walau pun pelabuhan kita ini baharu tetapi telah tiga tahun, kalau saya tidak silap, kita telah pun menyalorkan Jumaah Haji kita melalui pelabuhan Port Swettenham. Tentu-lah pehak² yang bersangkutan atau pun Kementerian yang bersangkutan dapat mempelajari supaya dapat mengadakan satu sistem yang baik, yang dapat menyenangkan terutama sa-kali Jumaah Haji.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang hendak saya sebutkan di-dalam Dewan ini ia-lah berhubong dengan penuntut² yang mendapat Pangkat C di-dalam Peperekson Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1967 yang lalu yang mana pada pagi ini Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran telah menerangkan tidak dapat menampong semua kapada murid² yang dapat Pangkat C itu, bahkan suatu ikhtiar lain juga tidak dapat di-sediakan oleh pehak Kementerian. Saya perchaya sa-kira-nya murid² yang berumor di-

antara 16 hingga 17 tahun yang mendapat Pangkat C tidak dapat di-salor-kan, atau tidak dapat di-bela keadaan-nya, saya yakin dan perchaya maka mereka² ini akan menjadi liar atau pun terpengaroh pada satu masharakat yang tidak di-ingini saperti mana yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Cheah Toon Lok tadi bahawa mereka² ini mungkin akan menjadi penyamun, perompak dan sa-bagai-nya. Tetapi yang paling kita takut, kalau² ada pula pengaroh luar untuk menyemaikan, atau menanamkan semangat yang boleh membangkitkan hura-hara dalam ne-gara ini. Jadi, saya minta-lah kapada pehak Kerajaan sa-belum lagi terlam-bat ambil-lah satu tindakan untuk membendong untung nasib mereka² ini, kerana kita tahu bagaimana yang telah pernah berlaku kekachauan di-Pulau Pinang baru² ini ada-lah berdiri dari-pada mereka² yang muda² sahaja. Jikalau sa-kira-nya tahun 1967 sa-ramai 31,000 orang penuntut yang tidak dapat melanjutkan pelajaran-nya, maka pada tahun 1968 nanti akan bertambah sa-ramai 31,000 orang lagi; maka mereka² ini ka-mana-kah akan pergi-nya jika tidak di-adakan ranchangan mem-bendang mereka, masharakat mana-kah yang dapat untuk membela nasib mereka itu. Tuan Yang di-Pertua, ber-harap-lah saya di-dalam Dewan ini supaya pehak Kerajaan mengadakan satu² projek untuk menampong mereka ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di-dalam Dewan ini ia-itu berkenaan dengan chara hari ini yang di-buat oleh Kemen-terian Pelajaran dengan meramaikan bilangan murid² dudok di-dalam satu aliran darjah. Mithal-nya, hari ini di-dalam satu darjah di-mestikan 40 ka-50 orang murid di-jaga oleh sa-orang guru. Saya tahu dan saya juga faham meng-ikut saikoloji satu aliran darjah itu dengan baik-nya ia-lah tidak lebih daripada 30 orang, tetapi hari ini Ke-menterian Pelajaran kita telah pun menghantar Surat Pekeliling kapada guru² tiap² satu aliran darjah mestilah mengandungi 40 hingga 50 orang. Andai-kata sekolah itu ada mem-punya 110 orang bagi satu kelas maka chuma di-benarkan membuka dua kelas sahaja, bererti 55 orang

pada satu aliran kelas. Saya rasa dengan mengadakan chara bagini, tentu-lah guru yang mengawal kelas yang tersebut tidak dapat memasuki pelajaran kapada murid² itu dengan sempurna maka dengan tidak dapatnya memasokan pengetahuan asas kapada sekolah² rendah ini, saya yakin dan perchaya juga beberapa tahun yang akan datang kita akan menerima jeritan dari-pada orang ramai bahawa kelulusan Sijil Rendah Pelajaran akan lebuh lumpoh lagi, kerana sa-bagaimana yang saya nyatakn tadi sa-orang guru terpaksa mengajar 50 orang murid, atau pun 50 orang lebuh. Sa-belum lagi perkara ini berlanjutan, saya minta-lah Kementerian yang berkenaan mengkaji sa-mula berhubong dengan perentah yang di-buat-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh rakan saya Yang Ber-hormat Tuan Saidon tadi sa-kira-nya Jabatan Perang hendak membuang pekerja²-nya sa-memang baik-lah ia ber-pedoman menolak ra'ayat yang bukan warganegara lebuh dahulu, tidak berpandukan kapada lama, atau pun baharu perkhidmatan mereka itu. Jangan-lah hari ini kita maseh lagi sangat hendak terlampaui demokrasi sa-hinggakan ra'ayat kita sendiri kebuloran nampak-nya sa-bagaimana pepatah orang Melayu kerana kita berdasarkan terlampaui demokrasi: "Kera di-hutan di-susukan, anak di-pangkuhan mati kelaparan".

Tuan Yang di-Pertua, hari ini juga barangkali kalau² takut pula pehak Jabatan Perang Inggeris akan mengikut Kementerian Pengangkutan kerana dalam Kementerian Pengangkutan sen-diri menerima dengan ikhlas-nya 2,000 orang pekerja² bukan warganegara bekerja di-dalam Jabatan Keretapi. Saya tidak tahu apa-kah sebab-nya Kementerian yang tersebut maseh lagi mendewa²kan orang yang bukan warga-negara ini. Pada hal peluang untuk menjadi warganegara ada-lah bagi negara kita Malaysia ada-lah terbuka dengan senang sahaja. Mengapa mereka itu tidak mahu menjadi warganegara kita ini. Jadi, saya perchaya kalau sa-kira-nya ada tekanan di-buat saya yakin dan perchaya mereka itu akan menjadi

warganegara Malaysia ini, tetapi tekanan tidak patut-lah kita buat. Kalau sa-kira-nya kita mendatangkan tekanan untok menjadikan sa-saorang itu warganegara, saya yakin dan perchaya, maka ta'at setia mereka itu tidak akan tertumpu kapada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang saya hendak sebutkan ia-lah ber-kenaan dengan Lembaga Letrik Negara yang menjalankan ranchangan-nya ka-pelusok tanah ayer hari ini, yang sangat di-mushkilkan ia-lah ranchangan yang di-jalankan oleh Lembaga Letrik Negara, terutama sa-kali kapada kam-pung² luar bandar, yang mendukachita-kan sa-belum ranchangan ini di-sampaikan kapada satu² kampong, atau satu mukim itu telah di-buat anggaran-nya dengan sempurna-nya tetapi manakala bekalan ini di-sampaikan ka-tempat itu tersangkut, atau pun tertahan antara 30 hingga 40 buah rumah terpaksa di-tinggalkan—bukan satu dua tempat. Mithal-nya satu mukim ada mempu-nyaï 5 atau 6 kampong, satu² kampong itu di-tinggalkan 20 atau 30 rumah tidak sampai bekalan yang tersebut manakala penduduk di-situ merayu atau menyampaikan kapada pehak yang bersangkutan, jawab-nya esti-mate atau pun perbelanjaan-nya tidak chukup. Jadi, perkara ini saya rasa sa-belum lagi di-jalankan dengan teliti patut-lah sangat pehak Lembaga Letrik Negara benar² membuat anggaran de-nan sempurna supaya mereka itu tidak akan ketinggalan, kerana kalau sa-kira-nya mereka itu ketinggalan pada kali yang pertama saya yakin, lima tahun yang akan datang mereka tidak akan dapat api lagi, kerana pehak Lembaga Letrik Negara terpaksa pula menunaikan kapada satu kampong yang lain yang belum ada lagi bekalan apinya. Jadi pehak yang tertinggal ini tetap-lah tinggal dengan dukachita-nya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sa-kali saya suka menyebutkan atau merayu di-sini, ia-lah berkenaan dengan Ke-menterian Perdagangan dan Perusahaan supaya dapat membantu Kerajaan Negeri Sembilan bagi memujok kalau² ada sharikat² yang hendak membuka sharikat perusahaan-nya di-negeri ini supaya dapat memujok mereka itu mem-buka sharikat-nya di-tapak perusahaan

yang di-adakan di-Senawang di-Negeri Sembilan, sebab saya katakan bagitu kalau sa-kira-nya pehak Kerajaan Pusat, atau pun Kementerian yang berkenaan tidak dapat membantu Kerajaan Negeri Sembilan saya rasa tentulah akan menyusahkan juga Kerajaan Negeri Sembilan kerana \$4 juta perbelanjaan yang di-keluarkan kerana menyediakan tapak kilang itu hari ini belum-lah lagi dapat di-kutip.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² ini, chuma ada sadikit² sahaja perkara yang saya hendak chakapkan di-sini, tetapi sunggoh pun sadikit sahaja perkara yang saya hendak bentangkan, tetapi perkara ini ada-lah perkara besar. Tuan Yang di-Pertua, masa-nya sudah $1\frac{1}{2}$ tahun Rang Undang² Bahasa Kebangsaan telah di-luluskan, saya mengambil bahagian atas perkara yang berkaitan dengan pelajaran, sa-hingga hari ini kita dapati maseh lagi ada keadaan² yang memberi tempat yang penting kapada bahasa Inggeris dengan chara membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dengan luas-nya juga memberi tempat yang penting dalam sistem pelajaran kita. Perlembagaan kita menegakkan bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan, sa-lama ini kita mengharapkan Bahasa Kebangsaan ini akan menjadi bahasa perpaduan dan yang akan dapat membina satu rupa bangsa yang baharu tegoh dan bersatu, tetapi ganjil-nya sistem pelajaran kita pada hari ini maseh memberi tempat yang sangat penting kapada bahasa Inggeris. Sekolah² Jenis Kebangsaan aliran Inggeris maseh terlalu banyak dan mendapat layanan yang lebih istimewa pula dari sekolah² yang berbahasa kebangsaan.

Di-satu tempat saya tidak hendak memberi chontoh yang jauh, di-Pulau Pinang, di-kawasan saya sahaja ia-itu Sekolah Jenis Kebangsaan di-Kepala Batas yang terkemudian daripada Sekolah Kebangsaan. Bermula daripada anggaran \$40,000 sahaja sekarang sampai ka-peringkat menengah, tambah tidak chukup tambah punya tambah Sekolah Kebangsaan bahagian menengah yang telah di-agong² kan, jadi sa-tahun ka-satahun baharu teragak² ba-

haru hendak buat, chari tanah tidak jumpa lagi; itu satu perkara yang pa-ling aneh. Beribu kanak² di-Malaysia kita maseh mendapat pelajaran dan pelajaran dan pendidekan dalam ba-hasa Inggeris.

Dato' Yang di-Pertua, boleh-kah keadaan² yang saperti ini, kita hendak membina satu rupa bangsa yang akan mendaulatkan Bahasa Kebangsaan, sunggoh ganjil betul² perkara ini. Duit sudah habis banyak untuk hendak me-ngembangkan Bahasa Kebangsaan men-churah² wang di-berikan daripada Minggu Bahasa naik Bulan Bahasa sam-pai tiga bulan bagitu-lah sa-terus-nya berlambak² duit keluar. Rupa²-nya sa-makin lagi kita hendak mengembang-kan, bukan bertambah kembang, tetapi bertambah kunchup dan kechut. Kalau bagitu tidak ada erti terchatet sahaja dalam Perlembagaan dan kita berharap di-masa hadapan akan menjadi satu bahasa rasmi yang tunggal untuk men-jalankan pentadbiran kesemua dalam negeri ini, tolak-lah yang di-luar itu lain fasal, tetapi di-dalam negeri ini bagi menjalankan pemerintahan dan sa-bagai-nya saperti mana di-negeri di-negeri lain juga.

Yang menjadi pelek wang² yang kita keluarkan itu dengan sa-chara tidak langsung-nya kalau perbuatan sa-macham ini akan menjadi membazir, kalau sudah menjadi membazir erti-nya ada-lah perbuatan itu nama-nya per-buatan shaitan, mengikut dalam ugama Islam yang menjadi ugama rasmi negara ini. Kita bertujuan hendak men-chantumkan, hendak menyatu-padukan seluroh ra'ayat dalam negeri ini sa-bagai latehan dari sa-masa ka-samasa hingga dapat pada waktu-nya kita kehendaki sa-lain daripada pindaan² Rang Undang² yang telah lalu dapat kita jalankan dengan sa-penoh-nya, tetapi yang pelek-nya, Baginda Yang di-Pertuan Agong mengarah dan meng-galakkan, pembesar² kita mengagong² kan dan mengarahkan selalu supaya gunakan bahasa kebangsaan, tetapi yang pelek-nya dalam Dewan ini sendiri pun orang² yang boleh berchakap ber-bahasa kebangsaan dengan faseh-nya, meminta izin dari Dato' Yang di-Pertua, hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, ini menjadi pengajaran

kapada orang lain, kalau saya dari pehak Pembangkang dudok di-sabelah kerusi Pembangkang, kalau dia kata, mengapa tidak beruchap dalam bahasa kebangsaan, ajar orang awak dahulu, arah orang awak dahulu, suruh dia amalkan dahulu, jangan chakap bagitu. Kalau saya bukan orang Melayu, saya kata-lah bagitu. Ajar kau punya orang dahulu ajar aku ini tidak. Main agong² sahaja; ini-lah yang susah. Dalam Dewan ini saya perhatikan satu orang bangkit, minta izin hendak berchakap dalam bahasa Inggeris, dalam soalan, yang menjawab juga kerana hendak layan beliau berchakap bahasa Inggeris, maka Menteri pun layan menjawab dalam bahasa Inggeris. Ada orang yang berchakap dalam bahasa Inggeris, yang menjawab-nya orang yang bukan Melayu, tetapi berchakap dalam bahasa Melayu—ini pelek yang sa-olah² sudah menjadi terbalek.

Dato' Yang di-Pertua, kita telah bersusah payah di atas perkara² perkembangan dalam Bahasa Kebangsaan hendak di-beri tempat dalam ekonomi dan sa-bagai-nya, kalau perkara ini tidak di-ambil berat, kalau perkara ini tidak di-jaga², saya takut di-masa hadapan akan menjadi satu perkara yang tidak di-ingini. Dato' Yang di-Pertua, dalam pada masa kita bersusah payah mengembangkan bahasa kebangsaan dan bersusah payah pula kita menanamkan semangat chinta kepada bahasa kebangsaan di-kalangan ra'ayat, kita mengagong² kan, tetapi sa-gulongan besar pula anak² kita di-ajar dan di-didek dalam bahasa Inggeris. Saya ingin bertanya kepada Menteri Pelajaran bila-kah agak-nya sistem pelajaran dapat di-ubah supaya bahasa Melayu dapat di-beri tempat yang lebih penting dalam sistem pelajaran bagi semua perengkat.

Dato' Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kerajaan kita telah memberi pengiktirafan yang sama kepada beberapa sijil—kelulusan Sekolah Menengah seperti mana Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Senior Cambridge. Kita ketahuï bahawa sa-saorang pelajar tidak perlu lulus dalam bahasa kebangsaan untuk mendapat Sijil Cambridge. Kita juga mahu sa-saorang pelajar yang lulus sijil ini dengan baik

akan dapat peluang menyambong pelajaran-nya ka-darjah H.S.C. dan kemudian-nya terus ka-Universiti. Di-sini kita akan dapat bahawa sa-orang pelajar boleh melupakan bahasa kebangsaan, boleh tinggalkan bahasa itu sa-bagai bahasa yang tidak memberi faedah, tidak memberi guna kapadanya, tetapi maseh boleh meneruskan pelajaran-nya hingga ka-Universiti.

Dato' Yang di-Pertua, patut-kah sijil ini di-beri pengiktirafan yang sama dengan Sijil Pelajaran Malaysia yang mementingkan bahasa kebangsaan. Dato' Yang di-Pertua, saya mengakuï bahawa pelajar² kita yang mempunyai sijil ini berpeluang menyambong pelajaran-nya keluar negeri terutama di-negeri² Commonwealth, tetapi untok mengelakkan mereka daripada menchuaikan langsung bahasa kebangsaan, saya berpendapat, ada elok-nya jika Kerajaan mensharatkan kelulusan dalam bahasa kebangsaan pada semua perengkat, sa-kurang²-nya jadi satu tabii kapada orang lain. Sebab kalau sudah menjadi tabii payah, kata pepatah orang Arab, "kalau bukit itu ada orang menghabarkan telah berpindah daripada dudok di-Kuala Lumpur ini, berpindah bukit itu di-letak di-Perak." Boleh perchaya, boleh, main dengan angkut boleh. Boleh di-ubah, tetapi kalau ada orang khabar, orang itu sudah berubah tabiat-nya, erti-nya sudah hendak maut, sebab tabiat payah hendak di-ubah. Kalau sudah tabii kapada-nya bukan orang Melayu ini tidak apa, yang aneh-nya orang Melayu, sudah menjadi basahan, sudah menjadi ayer minum, tidak shok berchakap dengan bahasa ibu pertiwi-nya sendiri. Tidak shok, ini-lah penyakitnya, kemudian kita mengeluarkan wang banyak—galak punya galak, galak punya galak, sampai ka-mana kita hendak galak wallah-hu-a'lam saya pun tidak tahu. Perbuatan samacham ini ada-lah tidak baik.

Maka sebab itu-lah pada pendapat saya, jikalau Kerajaan mensharatkan kelulusan dalam bahasa kebangsaan pada semua perengkat itu ada-lah amat baik, sebab sekarang ini ada perengkat² sahaja yang menghendaki kelulusan bahasa kebangsaan, tetapi ada perengkat-nya tidak ada, jadi belajar sa-takat

ini dia naik ka atas lupa semua, jadi ayer basah mulut sahaja, ayer minum dia takut kalau² pada akhirnya menjadi tabii, sudah tabii tidak hidup bahasa itu. Pada hal kita hendak jadi-kan bahasa yang tunggal, kita agong² kan, khas-nya bagi pehak Kerajaan, bila sampai pilehanraya kita akan menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi yang tunggal, kita ini terangkan kapada orang² kampong. Manusia sekarang ini bukan bodoh. Orang sekarang sudah chelek mata, Tuan, macham meter motokar tidak payah ajar lagi, sebab sudah lama dia mengerti. Kita tahu kekuasaan-nya di-tangan orang. Bila sampai pada masa kita hendak pelemah, masa kita hendak kechek untok hendak mendapatkan satu² tempat dalam pemerentahan, baharu kita hendak buat pelemah—ini tidak jadi—orang sudah chelek, tidak usah buat-lah.

Dato' Yang di-Pertua, satu lagi yang pelek bukan baharu² ini sahaja, selalu sudah terjadi. Agak saya baharu² ini di-siarkan dalam akhbar bahawa keputusan Sijil Pelajaran Malaysia di-umumkan lewat daripada keputusan peperekson yang lain yang sama perengkat-nya. Ini bukan-lah kali pertama perkara ini terjadi, ini ada-lah kejadian yang tidak baik kalau di-ulang² lagi, kerana kemungkinan sa-orang pelajar menyambong pelajaran ka-darjah Form VI dan juga mendapat kerja ada-lah bergantong kapada keputusan sijil ini di-lambatkan, lambat di-keluarkan, maka dalam rebutan mendapat pelajaran di-Form VI atau mendapat kerja-kah, maka pemegang² sijil ini akan ketinggalan kabelakang, kerana peluang itu sudah di-rebut oleh murid² yang mendapat Sijil Cambridge. Memandang bahawa pelajar² bumiputera-lah yang selalu-nya mengambil sijil bahasa kebangsaan, maka kelewatan ini ada-lah berupa satu penganiayaan kapada pelajar² itu. Saya merayu kapada Menteri Pelajaran supaya mengumumkan keputusan² Form V hendak-lah di-sarentak jangan di-adakan dahulu dan kemudian. Jika keputusan Sijil Pelajaran Malaysia itu lewat daripada yang lain, elok-lah pengumuman keputusan sijil yang lain itu di-tanggohkan buat sementara kapada tarikh yang sama

supaya penganiayaan yang saya sebutkan tadi tidak akan berlaku dan terjadi. Ini khas berkaitan dengan pelajaran.

Dalam Budget bagus semua, apa yang hendak di-buat itu baik belaka, sebab itu-lah saya menyokong, tetapi hendak-lah perkara itu biar-lah berjalan dengan chara yang tegas, chara yang tepat. Negeri² yang menjalankan pemerentahan sa-chara demokrasi, negeri² yang berjalan dengan aman dan tenteram ada-lah terbit daripada empat perkara sahaja. Pemerentah² yang bijak berfikiran panjang serta menjalankan segala kuat-kuasa bagi menegakkan keadilan yang sempurna.

Tentera² yang terator di-lateh dengan sa-chukup-nya dan di-beri segala layanan² yang dapat kita mengerahkannya supaya dapat di-laksanakan segala apa yang di-perentah bagi menjalankan tanggong-jawab² sama ada bagi menchegah, sama ada bagi apa juga buat keselamatan negeri. Orang 'awam masing² bertanggong-jawab dan masing² kesemua-nya berjalan dengan chara yang terator. Yang selalu berbangkit ini bila dekat² akhir tahun sama ada Dewan Negeri atau Dewan Parlimen, masa itu apa sahaja minta di-layan, layan. Perbuatan ini pun satu perkara yang kurang baik sadikit. Fasal sekarang kebanyakan-nya yang saya kata dahulu, dahulu sudah saya kata, sakadar-nya bedza sadikit sahaja dalam kertas yang telah di-hantar kapada saya bagi mengkaji balek betul atau tidak, ia-itu dahulu saya kata ada orang yang tidak bersetuju bagi, perjalanan pemerentahan Perikatan. Itu tidak puas, ini tidak puas, itu tidak chukup, ini tidak chukup—bermacham² berlaku. Saya juga dahulu saya ada kata, saya juga marah Kerajaan, tetapi saya marah lain sebab terlampau. Bila terlampau, maka jadi "Beban" bukan BEBAN. Beban ini erti-nya susah juga istilah "Beban" ini. Beban ini dia mahu sahaja tidak mahu bertanggong-jawab, maka ini-lah satu perkara yang sangat rumit.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Dewan ini juga saya suka menyentoh pula hal ehwal berkaitan dengan hal ehwal dalam negeri yang Menteri Muda-nya

sendiri pun telah pergi ka-Pulau Pinang sa-masa kekachauan dahulu. Nombor satu-nya Pulau Pinang-lah. Saya ingat dalam Dewan ini pun kalau sebut kekachauan itu mula² Pulau Pinang-lah dia kata, erti-nya Pulau Pinang ini-lah negeri yang suka membuat kachau. Sebab²-nya kejadian segala perkara² yang tidak di-ingini itu ada-kah daripada kechichiran, daripada penuntut² yang tidak dapat pekerjaan, menjadi gangster, ada-kah daripada itu atau pun kekachauan yang berbangkit itu ada-kah kerana politik. Bakar-membakar yang terjadi, ada-kah kerana sebab perkauman. Ini banyak terjadi, banyak pelek. Dalam sa'at kekachauan sa-rupa macham mana orang kata, pepatah Melayu "Di-maňa ayer keroh, di-situ orang menanggok". "Kalau kapal sudah pechah, yu yang kenyang". Ada yang kebakaran itu di-bakar oleh musoh, ada satu lagi kebakaran di-bakar, kerana hendak beri orang benchi, kata-nya ini-lah pemerentah

Perikatan. Dia kata orang Melayu sahaja, kata orang China. Kata si-Melayu pula ini-lah pemerentah Perikatan hendak jaga orang yang bukan Melayu. Orang Melayu ini macham anak ayam togil dudok mati di atas jelapang padi. Ini sudah terjadi, ada pula sana terbakar sini terbakar—aku punya rumah ini pun bukan tinggi sangat, burok sadikit barang² tidak berapa banyak di-dalam-nya, bila lagi chance, buboh api sebab Menteri ada di-sabelah saya. Rumah tidak berapa harga, tetapi dapat ganti. Jadi pelek sangat perkara yang terjadi kekachauan ini, bukan satu macham sahaja, maka sebab itu-lah bagi hendak menjaga, keselamatan negeri betul² supaya jangan berulang lagi perkara yang tidak di-ingini itu, saya minta kepada Menteri Dalam Negeri yang Menteri Muda-nya sendiri pun telah menyaksikan dan pergi ka-sana supaya mengambil satu langkah yang tegas betul². Dunia sekarang ini bukan macham dunia dahulu. Dunia sekarang pelek, kalau sa-kira-nya dunia sekarang macham mana dunia masa lalu atau pun dunia sekarang ini sama dengan dunia zaman Nabi Muhammad, boleh tahan juga. Sekarang tidak.

Dato' Yang di-Pertua, kalau tidak, tidak-lah menjadi satu kata² hikmat yang terbit daripada sa-orang Khalifah, Abdul Aziz. Kata-nya, "ke'adilan hendak di-tegak dengan chukup penoh, hendak tunjok kata kita-lah yang menjalankan pemerentah yang 'adil dan demokrasi yang penoh kalau tidak main dengan kuat-kuasa sama, di-permainkan oleh orang". Ini-lah jadi-nya. Orang tidak takut, orang tidak endah, sa-kejap² kachau, sa-kejap² kachau, sa-kejap² disana berlaku mogok, di-sini berlaku mogok dan di-sini berlaku memberontak, macham² angkara. Tetapi jangan pula di-tegakkan dengan tegas kuat-kuasa sahaja dengan tak memandang sa-chara ke'adilan—nanti zalim tidak boleh. Jadi kedua² itu kena kembar antara ke'adilan dengan kuat-kuasa itu biar jalan dengan tegas², jangan dudok main² tolak ansor. Perkara orang jahat ini sudah. Kalau hendak main urut² sahaja, hendak main pelemah sahaja, tidak boleh jadi.

Oleh itu, saya harap sa-bagai sa-orang yang datang daripada Pulau Pinang yang dalam Dewan ini pula beberapa orang telah berchakap mengenai kekachauan dalam negeri Pulau Pinang supaya mudah²an jangan berlaku lagi pada masa ka-hadapan dengan adanya tindakan² yang tegas. Kalau kata hendak luchutkan kera'ayatan luchut-lah jangan main². Kalau kata hendak buang negeri, tendangkan keluar jangan dudok main². Kalau dudok main² urut² buat macham zaman sekarang, tidak boleh jadi—urut² nanti masa ka-hadapan boleh jadi negeri ini akan menjadi porak peranda.

Dato' Yang di-Pertua, itu berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri. Satu lagi saya suka menyentoh dalam perkara pengangkutan pula, Menterinya kawan saya. Dato' Yang di-Pertua, ini pun satu pelek juga; dahulu sudah saya katakan hendak takut harimau makan orang, harimau tidak ada sekarang, hutan-rimba sudah habis di-tebas, tidak ada tempat pula bagi binatang² buas, tetapi sekarang harimau bandar ini chukup bermaharajalela, kejadian di-sapanjang jalan tiap² kali saya datang ka-Kuala Lumpur, tidak pernah saya tidak dapat berkata

yang tidak ada perlanggaran di-jalan raya; ada yang mati—sa-lalu ada, kadang² sampai hendak tengok pun segan. Yang Berhormat kita sendiri balek daripada menyambut Shah Iran datang ka-sini, nyaris² lagi tidak terbang, tidak dia akan tinggal janda kaya, nyaris² lagi maut. Saya juga beberapa kali lagi hendak kena, sampai terpaksa lari ka-parit menyelamatkan diri; ini hal ewhal yang berkaitan dengan lalu-lintas supaya dapat diambil dengan tegas betul² supaya jangan berlaku perkara² yang tidak di-ingin itu. Kalau terpaksa sa-kali pun dahulu saya kata gantongkan tidak usah gantong lesen itu, kalau nampak pelek sangat daripada perbuatan² yang di-ingin, kalau dia chuai lebeh baik rampas lesen dia itu. Itu ada lebeh baik supaya orang lain takut sadikit.

Dato' Yang di-Pertua, itu-lah satu daripada-nya saya minta yang Menterinya pun tidak ada dalam Dewan ini, mudahan² Yang Berhormat Menteri Pengangkutan akan mengambil tindakan yang keras mengenai perkara² pemandu² kereta sama ada kereta kecil, kereta besar, lori dan sa-bagainya. Yang paling chelaka sa-kali, ialah driver² bawa lori, lori bawa bijeh besi, Sharikat Malayawata berebut² hantar bijeh² besi, si-driver bawa segala bijeh hendak dapat pula duit, dia tidak pandang yang ada di-jalan ini, main hentam sahaja sa-hingga lebeh daripada limit, kadang² kita tengok sahaja lori bawa bijeh besi ka-hadapan, pergi-lah ka-tepi, takut dia sambar. Ini lori bawa bijeh besi, dia sudah berat, sudah besar pula, tambah pula bijeh besi, kalau dia langgar jadi hanchor-lah kita.

Had laju yang di-benarkan ia-lah 35 batu satu jam, tetapi pemandu² itu membawa kereta²-nya sa-hingga sampai 65 batu satu jam. Bagitu-lah keadaan-nya berulang alek. Kalau berlaku perlanggaran pula, di-buat-lah statement untuk perbicharaan, lepas itu dia claim pada insurance sampai empat puloh ribu ringgit, lima puloh ribu ringgit kadang² sampai \$100 ribu—nyawa manusia, Tuan Yang di-Pertua, bukan boleh di-beli dengan wang. Ini satu perkara yang saya minta kapada Menteri yang berkenaan

supaya mengambil tegas betul², mudahan² keselamatan jalan raya ini akan terjamin di-masa hadapan; sekarang ini terlampaui banyak berlaku.

Sa-lain daripada itu, saya sentoh pula dalam Kementerian Pengangkutan berhabit dengan plate teksi—hendak dapatkan plate teksi susah sangat. Anggaran-nya pula tiap² satu² kawasan itu ada dua ribu orang, baharu-lah dapat satu plate teksi. Yang pelek-nya, sudah-lah orang yang ada teksi itu di-naikkan chukai-nya—itu satu fasal, hendak mendapatkan penumpang² pula chukup seksa pula, kerana terdapat banyak sangat teksi sapu; hasil chukai tidak payah bayar. Sa-hinggaikan Bas MARA mereka challenge. Bas MARA ambil \$4; dia ambil \$3; bas MARA ambil 40 sen, mereka ambil 30 sen—jauh sama; ini teksi sapu mereka ambil enam tujoh lapan orang, kalau jadi kemalangan, sudah tentu mereka itu akan maut. Ini perkara yang terjadi sekarang, tidak usah tengok jauh dalam tempat saya sendiri sahaja plate teksi ada empat atau lima, tetapi teksi sapu ada 20 buah lebeh. Jadi perkara yang sa-macham ini patutlah bagi pehak Kementerian memikirkan dengan lebeh panjang, kalau hendak di-ambil tindakan yang keras, mereka akan berkata, kami hendak dapat plate pun payah—susah juga, jadi sa-patutnya halusi, kalau patut di-tambah—tambah; kalau tidak patut di-ambil—tidak usah di-tambah. Kalau di-beri dengan chukup, kalau ada juga teksi sapu ini, dan dia buat kerja sa-macham ini, kereta dan dia-nya sa-kali mesti di-sapu sa-kali supaya jangan berlaku lagi. Dalam pada itu kalau dia ikut atoran, tidak mengapa-lah tiga di-belakang dan dua di-hadapan, jangan-lah dia main gila sampai di-ambil-nya tujoh lapan orang. Penumpang² mahu pula naik, dudok macham ikan sardin, tetapi tidak mereka berkata apa kerana mereka bayar 30 sen sahaja, sedangkan Bas MARA mereka kena bayar 40 sen.

Jadi, saya harap perkara ini supaya di-siasat dengan sa-halus²-nya supaya tidak berlaku lagi perkara ini. Menteri sendiri tahu-lah perkara ini. Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, di-samping saya menyokong, saya harap mudahan²

dengan sa-chara rengkas dan perkara yang penting ini patut di-ambil ingatan, bukan-lah kerana perkara ini perkara hak tunggal saperti mana saya katakan tadi supaya jangan-lah wang² yang kita buang di-masa yang lalu itu jangan-lah terjadi-nya membudzir bagitu sahaja.

Kembali-lah kapada apa yang terchitet di-dalam Perlembagaan itu bukan yang hak di-pinda ini, hak yang di-pinda itu esok lain, ini berkaitan dengan Fasal 152. Yang saya takut ini kalau tidak di-buat macham saya kata tadi, harus-lah boleh jadi sahingga tumboh tandok kuching dahulu baharu Bahasa Kebangsaan ini akan berjalan menjadi bahasa rasmi yang tunggal.

Sa-lain daripada itu, kalau tidak dapat di-jawab di-sini bagus juga-lah tentang ijazah², pengiktirafan ijazah. Saya suka bertanya di-sini mengenai sijil atau pun ijazah Universiti Azhar sa-jauh mana-kah pengiktirafan-nya di-buat. Saya harap mudahan² Menteri itu dapat menjawab dalam Dewan ini mudahan² dapat-lah saya menerangkan balek kapada orang² yang membangkitkan perkara² itu.

Sekian-lah, Dato' Yang di-Pertua, di atas apa yang saya rayukan dari-pada hati saya yang jujor dan ikhlas mudahan² akan mendapat perhatian dari pehak Menteri yang berkenaan.

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana nampak-nya tidak ada lagi Ahli² Yang Berhormat yang hendak beruchap berkenaan dengan perkara² yang di-binchangkan pada hari ini berkenaan dengan belanjawan, saya menguchapkan terima kaseh kepada tiap² sa-orang yang telah men-datangkan fikiran dan pandangan ber-kenaan dengan perkara² yang di-binchangkan pada hari ini. Nampak-nya bagi Kementerian saya tidak-lah ada satu perkara pun yang telah di-bangkitkan dan saya menguchapkan terima kaseh di atas peruntukan bagi Kementerian saya sa-banyak \$5,659,933 yang di-tunjukkan dalam Rang Per-bekalan itu. Bagi Kementerian² yang lain² boleh jadi Menteri² yang ber-kenaan jika dia ada, akan men-

jawab-nya, akan tetapi saya hanya dapat manjawab bagi satu Kemen-terian sahaja yang saya telah di-beri jawapan-nya, ia-itu Kementerian Tanah dan Galian.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan ia-itu kata-nya Kerajaan harus mengusahakan tentang mendapatkan lagi hasil² bumi saperti uranium, emas dan sa-bagai-nya. Untuk memberi jawapan kapada Ahli Yang Berhormat itu, saya suka me-nyatakan bahawa sa-nya, Kerajaan memang menjalankan beberapa² usaha dan untuk mendapat ma'lumat tentang puncha² hasil bumi sa-umpama-nya yang di-katakan tadi emas, uranium dan lain², Jabatan Kajibumi menjalankan penyiasatan itu dan hasil² penyia-satan jabatan itu ada-lah di-sebarkan kapada umum atas permintaan. Risalah² dan peta² mengenai siasatan itu juga di-jual kepada orang ramai. Jadi, jika ada sa-siapa² yang berkehendak-kan penyata² ini boleh-lah berhubong dengan Jabatan yang tersebut.

Pada masa ini, dalam Jabatan ini sangat-lah kekurangan pegawai², kerana yang saya telah di-beritahu hanya ada 20 daripada 24 jawatan yang tertentu yang telah di-isikan; Jabatan² yang lain itu tidak dapat di-isikan kerana kurang anak² tempatan yang mengambil jurusan dalam kajian; oleh kerana kekurangan itu Jabatan ini mendapat perkhidmatan enam orang Ahli² Kajibumi daripada Canada di-bawah rangka Pertolongan Ran-changan Colombo untuk menolong Jabatan ini dalam usaha² penyiasatan. Walau bagaimana pun daripada ma'lumat² yang ada bahan² saperti uranium, atau emas saperti yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak-lah ada. Jika ada, hanya ada sedikit² sahaja.

Mengenai minyak pula Kementerian Tanah dan Galian sedang menimba ngan permohonan untuk menchari minyak di-beberapa tempat di-Malay-sia Barat ini. Untuk menjawab per-ka ra yang di-bangkitkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat, ia-itu, kalau saya tidak silap, Tok Pangku Pandak Hamid, di-mana beliau telah menyata-kan dan berharap lebuh banyak lagi

wang di-beri kepada projek² kerana pembukaan tanah dan sa-bagai-nya kepada orang² asli.

Saya suka menjawab-nya, ia-itu Anggaran Perbelanjaan untuk Jabatan Orang² Asli ia-lah hampir² satu juta ringgit dalam tahun ini sahaja. Sunggoh pun projek² yang di-jalankan itu ada-lah berdasarkan priority, atau keutamaan mengikut kajian dan keadaan Jabatan Orang Asli itu menjalankan rancangan² dan apa² juga perkara yang patut kita adakan itu semua-nya sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu juga sendiri menyatakan ada-lah tertumpu kapada keadaan ke-wangan dan berapa banyak wang dapat kit memperuntokkan mengikut keadaan yang ada pada masa sekarang.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di-sini menjawab sadikit perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, kalau tidak silap saya, Ahli daripada Kedah. Tentang banyak-nya perkara² jenayah berlaku dalam Negeri ini, jadi oleh kerana perkara ini di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya memohon izin menjawab-nya di-dalam bahasa Inggeris.

The Honourable Member, in my view, need not be unduly alarmed over the number of crimes in this country compared to some other countries which are more developed, which are more advanced in their detection and prevention of crimes. I think our country is better off in that we are not so well advanced as those countries I have mentioned. In my view, for so long as this world exists, there will be crimes but, be that as it may, I can assure the Honourable Member that the Government is and will always be tackling this problem with all the resources within its power. As the Honourable Member will probably realise, legislations are and will be revised, reviewed and amended to tighten up the laws from time to time to ensure that the figures of crime in this country are kept to the barest minimum

and that citizens, like the Honourable Member, in this country will be able to live in peace and security.

The Honourable Member will probably also realise that Government has passed a number of laws and the Government has amended a number of laws whereby laws are tightened. There is the Minor Offences Ordinance which was amended and the provisions in this Ordinance were made in such a way that penalties in court have been made much stiffer than they were before and this amended law has also made provisions whereby people committing these offences under this Ordinance can now be arrested without warrant which could never be done before.

The Honourable Member will probably remember also that the Government has amended the Kidnapping Act to make the penalty for the commission of the offence of kidnapping very much more severe than what it used to be. So much so, we can see now that the crime of kidnapping is very much less than what it used to be before. Then on top of this, the Government is now devising ways and means to deploy, in the best way we can, the rather depleted strength of our Police force to areas in such a manner that they will be as effectively used as possible. A start has been made with the introduction of the "Salleh System" in Petaling Jaya and it is hoped that in the near future this system, if proved to be effective and I am confident that it will be effective, will be extended to the other parts of the country where such system is deemed to be necessary.

Negotiations are now, I am glad to state, going on with one of the State Governments for the acquisition of an island, where it is hoped that elements of secret societies, who are a menace to the society and to the country, will be sent and also rehabilitated, if possible, to be useful citizens of the country. It is true that we have a number of laws like the Prevention of Crimes Ordinance, the Restricted Residence Enactment, but Restricted Residence Enactment, but in some cases, I must say, the measures resorted to under the provisions of

these laws, such as restricting a person from one place to another, have been found not to be fully effective both as a deterrent or as a means of resolving social problem created by the restriction of such undesirable elements. It is for this reason, therefore, that now an effort has been made to get an island immediately, so that these people who are a menace to our society can not only be confined but be rehabilitated. People, I believe, do not realise that spreading of the amount allocated to the Police in an annual budget to all the inhabitants of this country, each person in this country has only to pay \$14 per head per year for security. This, in my view, is extremely cheap having regard to the fact that one has to pay more for other amenities, like the road tax licence, and in return gets one of the best, if not the best, Police force in this part of the world to guard them against both internal and external threats to their liberty, security and freedom. Members of the Senate being of many varied experience and some with years of experience in various professional fields, can do a lot in this matter by putting forward suggestions as to the best ways and means to get rid of this problem. Personally, I am only too glad and too grateful if Members of the Senate can come forward and offer suggestions to me, whereby we can put our heads together and try and solve these problems. Thank you, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Time is up. I think it is two minutes to 4.30 and I think, under Standing Order 11 (1) (b) I have got to stop the meeting at 4.30. Ahli² Yang Berhormat, persidangan di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 4.30 petang.

JAWAPAN² BERTULIS
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Inspektor Polis Konterek

1. Tuan Andrew Jika Landau asks the

Minister of Home Affairs to state:

- (a) whether Malaysians employed on contract in the Royal Malaysian Police Force Inspectorate in Sarawak during the Indonesian Confrontation will be automatically absorbed into permanent establishment in view of their meritorious service; or
- (b) whether they would be allowed to continue in service until they reach their pensionable retirement age; or
- (c) whether, if (a) or (b) are not possible, Government will ensure their re-employment with their former employers.

The Minister of Home Affairs (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain):

(a) There are 13 Contract Inspectors engaged in the Sarawak Component of the Royal Malaysia Police of which 3 are Sarawakians and remaining 10, non-Sarawakians.

For the two following reasons it is not possible to automatically absorb them as permanent Inspectors:

(i) The 3 Sarawakians do not possess the minimum educational qualifications required namely the Lower Certificate of Education and

(ii) To absorb those non-Sarawakians possessing the required educational qualification would infringe the understanding reached by the Inter-Governmental Committee, whereby it has been agreed that "When a local candidate is in sight no vacancy will be filled except on a temporary or contract basis or by promotion of a serving officer". Meritorious service is not a criterion in this matter.

(b) Their contracts will be renewed for so long as their services are required. There is no guarantee that their contracts will continue to be renewed until they reach their ages of retirement.

(c) These officers applied to join the Police as Contract Inspectors of their own volition. They had not been drafted into the Force. The termination of their previous employment was strictly a matter between themselves and their employers. Government is, therefore, not obliged to ensure their re-employment with their former employers on termination of their services with the Force.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SOKAN

Pejabat Kebudayaan di-Sarawak

2. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of Culture, Youth and Sports to state whether his Ministry would establish a Cultural Office in Sarawak and whether it is a fact that provision for such an office had already been approved four years ago.

The Minister of Culture, Youth and Sports (Tuan Senu bin Abdul Rahman): In actual fact the provision for a State Cultural, Youth and Sports Office at Sarawak was only approved in 1966 and not four years ago as mentioned by the Honourable Member.

It is the intention of my Ministry to establish this office early and with this in view discussions have already been held with the Sarawak Government on the staffing of this office.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Rumah Sakit Umum, Simanggang

3. Tuan Andrew Jika Landau bertanya kepada Menteri Kesihatan:

(a) mengapa Rumah Sakit Umum di-Simanggang, Bahagian Kedua Sarawak tidak chukup di-lengkapi dan tidak mempunyai chukup kenderaan bagi mengadakan klinik-dispensari untuk merawat pendudok² di-Kawasan Luar Bandar memandangkan sekarang ini jalan-raya sudah pun di-buka;

(b) berapa-kah bilangan kenderaan² di-untokkan sa-bagai Ambulan² dan Klinik-dispensari bergerak di-Bahagian itu.

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin):

(a) Rumah Sakit Umum di-Simanggang biasa-nya di-adakan alatan² yang di-perlukan bagi satu atau dua orang doktor sahaja. Alatan² akan di-tambahkan lagi apabila bilangan doktor di-tambah kelak. Ada 14 dispensari² tempatan di-Bahagian ini dan dispensari² ini dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik daripada dispensari berjalan. Jalan yang baharu di-bena belum lagi sesuai keadaan-nya untuk di-adakan dispensari-bersama-klinik berjalan dan perkara ini akan ditimbangkan untuk di-adakan dispensari berjalan melalui jalan ini pada masa akan datang.

(b) Tiga kereta "land rover".

(a) The General Hospital in Simanggang is normally equipped for one or two doctors. More equipment will be provided when more doctors are available. There are 14 static dispensaries in the Division and these can give better service than a mobile dispensary. The new trunk road is still not in such a good condition as to be suitable for mobile dispensary-cum-clinic and consideration will be given to mobile dispensaries on the road in future.

(b) Three land rovers.

KEMENTERIAN PELAJARAN

Sekolah Lateh-kerja Pertanian

4. Datu J. A. Angian Andulag bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah Kerajaan akan menimbang menubuhkan sa-buah Maktab Universiti Pertanian di-Sabah untuk pelajar² yang gagal dalam pepereksaan Junior Certificate atau mendapat Pangkat III tetapi tidak di-terima belajar lagi.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohd. Khir Johari): Pada mula-nya sa-buah Maktab Pertanian telah di-masukkan sa-bagai satu chadangan ranchang-usaha dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama tetapi sa-lepas lawatan

oleh 5 orang Pasokan Penaksir Ran-changusaha² Pelajaran IBRD ka-Sabah dalam bulan September, 1967 ada-lah di-sedari bahawa apa yang di-kehendaki bukan-lah sa-buah Maktab Pertanian tetapi ia-lah sa-buah Sekolah Lateh-kerja Pertanian, yang berdasar-kan mengikut susunan yang di-dapati di-Malaysia Barat untuk menampong penuntut² yang mendapat Pangkat III dalam Peperekasaan "Junior Certificate". Ada-lah di-fahamkan bahawa perbinchangan² sedang di-adakan di-antara Kementerian Pertanian Perse-kuatan dan Kementerian Pertanian Negeri mengenai tarikh ranchangusaha saperti itu boleh di-laksanakan. Pe-nuntut² yang tidak lulus dalam Pe-pe-reksaan Junior Certificate akan juga di-beri pertimbangan untuk masuk jika ada tempat² kosong sa-lepas mereka yang mempunyaï kelayakan² yang di-kehendaki telah di-pileh.

Originally an Agricultural College was entered as a project proposal in the First Malaysia Plan but after the visit of the 5 men IBRD Education Projects Appraisal Team to Sabah in September, 1967 it was realised that what was wanted was not an Agricul-tural College but an Agricultural Voc-a-tional School, based on the West Malaysia pattern to cater for students who have gained a Grade III pass in Junior Certificate Examination. It is understood that discussions are going on between the Federal Ministry of Agriculture and the State Ministry of Agriculture as to the date when such a project can be implemented. Students who have failed the Junior Certificate Examination would also be considered for entry if places are available after those with the requisite educational qualifications have been selected.

Murid² Bumiputra Sabah yang gagal Peperekasaan Darjah VI

5. Datu J. A. Angian Andulag ber-tanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan mendirikan sekolah² di-Sabah untuk menerima murid² bumiputera yang tidak lulus pe-pe-reksaan Darjah VI kerana kelas² yang di-adakan sekarang untuk pelajar² tersebut tidak memuaskan hati me-mandang bahawa kelas² itu di-adakan

sa-belah petang dalam masa yang pendek.

Tuan Mohd. Khir Johari: Tidak ada ranchangan untuk mendirikan sekolah² khas di-Sabah bagi menampong murid² Bumiputra Darjah VI yang tidak lulus peperekasaan mereka oleh kerana persediaan² telah pun di-atorkan untuk murid² ini melalui kemudahan² yang sedia ada. Langkah² telah pun di-ambil oleh Jabatan Pelajaran Sabah untuk membenarkan semua murid² itu mengulang sa-mula jika mereka dalam lengkongan umor yang betul. Sa-lain daripada itu kebenaran telah pun di-beri kepada sa-bilangan besar murid² yang lebih umor untuk mengulang sa-mula jika ada tempat kosong dan jika Guru Besar Sekolah dan Jawatan-kuasa Pelajaran Tempatan yang berkenaan menyokong pemohonan itu. Sa-bilangan kecil murid² yang telah men-daftarkan diri di-Kelas² Pelajaran Lanjutan telah berbuat demikian untuk memasuki Kelas² Pelajaran Lanjutan oleh kerana kelas² ini ada-lah ber-faahad bagi mereka terutama-nya mereka² yang sangat berlebeh umor-nya. Mereka telah mendaftarkan nama untuk memasuki Darjah VI di-Sekolah Rendah atau pun Tingkatan I di-bawah ranchangan Kelas Pelajaran Lanjutan dan telah di-benarkan memasuki kelas² itu. Sa-lain daripada itu, di-mana² yang boleh, Kelas² Pelajaran Lanjutan ini telah di-benarkan di-buka lebih awal lagi di-sabelah petang Elok juga di-terangkan bahawa Kelas² Pelajaran Lanjutan di-adakan seluroh dunia untuk membenarkan mereka² yang terpaksa berhenti belajar atas sa-suatu sebab untuk menambah pelajaran mereka dengan memasuki peperekasaan yang di-kelolakan oleh Kerajaan Negeri itu dan seberang laut bagi memper-baiki masa hadapan mereka.

It is not proposed to establish special schools in Sabah to cater for Standard VI Bumiputra pupils who have failed their examination as arrangements have already been made to cater for such students through existing facilities. Steps have already been taken by the Sabah Education Department to permit retention of all such pupils of correct age. In addition permission has already been granted for the retention of a

large number of those who are over-aged where vacancies exist and where their retentions have been recommended by the Heads of Schools and the Local Education Committees concerned. The few that have chosen to register in Further Education Classes have done so because these Classes are beneficial to them, particularly those who are very much over-aged. They have registered for admission either to Primary VI or to Form I under the Further Education Class Scheme and have been permitted to join such classes. Furthermore, where it has been possible to allow these Further Education Classes to function earlier in the afternoon, permission has been granted. It has to be pointed out that Further Education Classes are held throughout the world to permit all those who have discontinued their education for some reason of other to improve their education by taking State-conducted and overseas examinations in order to improve their prospects.

Siswazah Bumiputra Sabah

6. Datu J. A. Angian Andulag bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa bilangan bumiputera lepasan universiti di-Sabah pada masa ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Sa-puloh.

Dasar Pelajaran

7. Tuan Andrew Jika Landau bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan akan mengkaji sa-mula dasar pelajaran supaya sistem pelajaran bersesuaian dengan ada atau tidaknya pekerjaan² dalam negeri ini.

Tuan Mohd. Khir Johari: Dasar pelajaran tidak payah di-ubah untuk tujuan yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang dikehendakki ia-lah pindaan² kapada butir² ranchangan² pembangunan dan ini ada-lah di-lakukan dari masa kасamasa untuk di-sesuaikan dengan jumlah pekerjaan² yang ada dalam negeri ini.

There is no need to change educational policy for the purpose that the Honourable Member intends. All that is required are amendments to develop-

ment details and this is done from time to time to accord with the availability of jobs in the country.

Sumber² Hasil Baharu

8. Tuan Andrew Jika Landau bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kementerian-nya untuk menchari sumber² hasil yang baharu bagi membiayai perbelanjaan pelajaran.

Tuan Mohd. Khir Johari: Sumber² hasil yang baharu untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan keselurohan-nya bagi tahun 1968, termasuk pelajaran, telah pun di-umumkan oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam uchapan belanjawan-nya kepada Parlimen pada bulan Januari yang lepas. Sepanjang yang berhubong dengan Kementerian ini, sumber² itu termasok kenaikan yuran sekolah bagi sekolah² menengah di-Malaysia Barat dan chukai pelajaran yang terus dikutip dalam tahun 1968.

New sources of revenue to meet the overall Government expenditure for 1968, including that on education, have already been announced by my colleague the Honourable Minister of Finance in his budget speech to Parliament last January. As far as the Ministry of Education is concerned the sources include the imposition of increased rates of school fees in secondary schools in West Malaysia and the continued imposition of education rates in 1968.

KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

Minggu Perpaduan Negara

9. Tuan Andrew Jika Landau bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran ada-kah Kerajaan akan menimbang mengadakan MINGGU BERJAYA (Minggu Perpaduan Negara) tiap² tahun.

Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengadakan Minggu Perpaduan pada tiap² tahun memandang kapada betapa mustahak-nya soal perpaduan di-antara

keturunan² dalam negara Malaysia ini. Di-samping itu juga Minggu ini bertujuan sentiasa memberi ingatan kepada ra'ayat² negara ini terhadap kesetiaan mereka kapada Negara dengan menghormati Lagu Kebangsaan dan lambang Negara.

Perkhidmatan Talivishen

10. Tuan Andrew Jika Landau bertanya kapada Menteri Penerangan dan Penyiaran ada-kah Kerajaan berchadang hendak membina sa-buah Kompleks Talivishen bagi Sarawak seperti di-Sabah.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Kerajaan memang berchadang memberikan perkhidmatan talivishen kalsuroh negeri² Sabah dan Sarawak atau Malaysia Timor, tetapi ranchangan ini memerlukan perbelanjaan yang amat besar dan oleh itu perkara ini terpaksa-lah di-binchangkan dengan pehak Kementerian² yang berkaitan sa-belum dapat di-laksanakan. Pada masa ini kemungkinan mengadakan ranchangan ini sedang di-siasat dengan teliti oleh bahagian peranchang Kementerian saya dan apabila ini sudah selesai saya akan mengemukakan-nya kepada Jema'ah Menteri untuk timbang-an.

Berhubung dengan ranchangan talivishen di-Sabah suka saya menjelaskan bahawa Kerajaan negeri Sabah telah memberi kesanggupan untuk memberi pinjaman wang untuk menyegerakan ranchangan TV di-Sabah dan tawaran ini sedang di-kaji oleh Kementerian saya.

Walau bagaimana pun jika tiada apa' halangan-nya saya berharap ranchangan perkhidmatan talivishen ka-Malaysia Timor akan dapat di-laksanakan dalam tahun 1969.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Perhentian Udara

11. Tuan Andrew Jika Landau bertanya kapada Menteri Pengangkutan ada-kah Kerajaan berchadang hendak membina sa-buah perhentian udara yang lebih besar lagi di-Lapangan Terbang Kuching bagi menggantikan

Perhentian kecil yang ada sekarang oleh kerana bertambahnya lalu-lintas udara di-Lapangan Terbang itu.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Ada ran-changan bagi membina suatu komplek bangunan penumpang di-suatu tapak yang berhadapan dengan landasan yang ada sekarang ini dan di-dalamnya termasok sa-buah bangunan penumpang bagi Kuching. Oleh kerana wang tidak ada maka tidak ada peruntukan dalam Ranchangan Lima-Tahun sekarang ini bagi melaksanakan ranchangan tersebut. Sekira-nya wang di-perolehi dalam Ranchangan Lima-Tahun akan datang ada-lah di-harap bawaha suatu bangunan penumpang yang baru dapat di-masukkan.

There is a planned airport terminal complex on a site opposite the existing runway in which is included a larger terminal building for Kuching. As funds were not available, there is no provision in the present Five-Year Plan for the implementation of this scheme. Should funds be made available in the next Five-Year Plan, it is hoped that a new terminal building will be included.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

Pasar Bumiputera

12. Tuan Andrew Jika Landau bertanya kapada Timbalan Perdana Menteri sama ada MARA akan menjalankan daya usaha bagi mengadakan Pasar Bumiputera di-kawasan Perbandaran Kuching untuk menggalakkan ra'ayat bumiputera mengambil bahagian yang lebih chergas lagi dalam lapangan perdagangan, sa-laras dengan Pusat Membeli-Belah Pasar Minggu di-Kuala Lumpur dan di-tempat² lain lagi di-Malaysia Barat yang khas meniagakan barang² pertukangan tangan tempatan dan lain² lagi.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussain): Ada-lah menjadi dasar MARA untuk mengadakan ke-mudahan² tempat perniagaan khas bagi menggalakkan bumiputera mengambil bahagian yang chergas dalam bidang

perniagaan. Berasaskan kapada dasar ini MARA memang ada mengambil perhatian terhadap kemungkinan mengadakan sa-buah pasar bumiputera di-bandar Kuching, Sarawak, tetapi, sama ada pasar itu dapat di-dirikan ter-ta'alok-lah kepada kajian yang teliti mengenai harga-nya dan juga bilangan² bumiputera yang sebenar-nya berke-hendakkan tempat² bagi menjalankan perniagaan.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

Getah

13. Datu J. A. Angian Andulag bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah tindakan Kerajaan berchadang hendak ambil untuk membantu ra'ayat Sabah yang bergantong kapada penanaman getah dan yang kebanyakannya bumiputera oleh kerana murah-nya harga getah pada masa ini dan bertambah pesat naik-nya belanja hidup di-dalam Negeri itu.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Kerajaan Malaysia telah pun mengambil langkah² bagi menstabelkan harga getah.

Dalam pada itu, Kerajaan Sabah di-Mesruar Belanjawan-nya pada bulan Disember tahun 1967, telah pun meng-untokkan wang yang tertentu untuk membiaya'i Ranchangan Pembangunan Tanah. Di-bawah ranchangan ini, kebun² getah yang tidak mendatangkan banyak hasil telah di-tanam sa-mula dengan pokok² getah yang banyak mendatangkan hasil dan juga tanaman² lain sa-laras dengan dasar Kerajaan untuk mengadakan beraneka tanaman (diversification).

The Malaysian Government has taken steps to stabilise the price of rubber.

In the meanwhile, Sabah Govern-ment in its Budget Meeting in Decem-ber, 1967 has appropriated certain funds to finance its Land Develop-ment programme. Under this programme, the uneconomic rubber holdings are re-planted with high yielding rubber and other crops in line with Government policy of diversification.

JABATAN PERDANA MENTERI

Lawatan Sambil Belajar

14. Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya bertanya kapada Perdana Menteri (a) bagaimana-kah chara-nya permohonan² untuk menggunakan wang Peruntukan Lawatan Sambil Belajar di-bawah Jabatan Perdana Menteri di-buat dan, di-pertimbang-kan; (b) ada-kah benar bahawa badan² sokan berhak juga menggunakan kumpulan wang itu; (c) ada-kah mereka yang membuat lawatan di-bawah per-untukan ini di-kehendaki menyampaikan laporan² sa-lepas mereka pulang, dan jika tidak, kenapa.

Perdana Menteri:

(a) Permohonan² untuk Lawatan Sambil Belajar ada-lah di-buat oleh Kementerian² atau Kera-jaan Negeri kapada Jawatan-kuasa Lawatan Sambil Belajar. Permohonan² persaorangan bo-leh jua di-buat tetapi di-sampaikan melalui Y.B. Men-teri², Menteri² Muda, Kemen-terian dan Kerajaan Negeri. Permohonan² itu di-pertimbang-kan oleh Jawatan-kuasa Lawatan Sambil Belajar dan terpulang-lah kapada Jawatan-kuasa ter-sebut untuk meluluskan atau menolak permohonan² itu.

(b) Benar.

(c) Pada biasa-nya memang-lah mereka yang membuat lawatan di-bawah peruntukan ini di-kehendaki menyampaikan la-poran atas lawatan mereka itu.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

Ranchangan Berladang di-Pekarangan Rumah Panjang

15. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state whether Govern-ment would consider developing and implemen-ting "Homesite Farm Scheme" in the precinct of the Longhouse of the rural dwellers in order to ensure these dwellers with wholesome diets, good water supply and decent facilities which in turn will encourage them to adopt a settled form of agriculture.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): The State Government has considered the "Homesite Farm Scheme" but would need to have more facts before knowing whether it could be adopted. At the moment, the State considers that the scheme does not seem to be practicable yet for the following reasons:

- (i) It is doubtful whether it would be acceptable to the Sarawak farmers who are by nature individualistic while the scheme is essentially a communal farm.
- (ii) The scheme envisages a farm for each Longhouse and Kampong. At present as the Agriculture Department have to spread their various schemes over all Divisions and Districts, it is difficult to concentrate their efforts to all such farms, except to a limited few. Furthermore, every effort is made to plan simple farm layouts for young farmers who are most adaptable and ready to adopt new ideas.
- (iii) Physically, Longhouses, for which the scheme is designed, are generally in up-river areas. Suitable sites near the house where livestock could be kept, fish ponds dug and short-term crops planted do not exist.
- (iv) The scheme tends to concentrate the Agriculture Department's resources to a few chosen areas to the exclusion of the majority. In view of the foregoing the State considered that at the present time the scheme could not be attempted.

Petani²

16. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state whether Government will assist hill padi farmers, especially the Ibans of Sarawak, now engaging in shifting hill padi cultivation to settled and productive hill padi cultivation.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: The aim of the Government is to reduce the acreage of hill padi cultivation by utilization of swamps. Where this is not possible, subsidy is given

to hill padi farmers for the application of Ammophos fertiliser as a seed dressing. This has resulted to increased yield by approximately 30%.

Experiments on reducing fallow period by rotations have not proved to be successful due to the inherent low soil fertility.

Nelayan²

17. Tuan Andrew Jika Landau asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state whether the Government or MARA will provide loans on extended repayment terms to coastal Malay fishermen in order to enable them to acquire fishing gear.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Yes, the Government can consider loans to fishermen if they form themselves into co-operatives. The loans will normally be approved on the following conditions:

- (i) To Fishing Co-operatives;
- (ii) The Co-operative shall have its own capital at least 10% of the proposed total cost of the project;
- (iii) The Department of Co-operative Development is satisfied that the project is viable; and
- (iv) The loan is paid within 60 months at 5% interest.

KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

Lampu² Isharat

18. Datu J. A. Angian Andulag bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Kerajaan akan memasang lampu² isharat di-simpang² jalan di-Kota Kinabalu dan Sandakan.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Perkara ini di-uruskan oleh pehak berkuasa tempatan. Bagaimana pun, diketahui dari ma'ulumat yang ada bahawa satu pesanan telah pun di-buat untuk mendapatkan lampu² isharat bagi Simpang Jalan Penampang Kota Kinabalu dan lampu² itu akan dipasang bila kerja² membaiki simpang jalan itu saperti yang di-jalankan sekarang ini selesai. Jalan² berkeliling yang besar sedang di-bena di-antara simpang² lain yang penting. Lampu² isharat akan di-pasang jika keadaan

memaksa pemasangan lampu² itu dan sekira-nya ada wang.

This is a matter for the local authority. However, from information made available an order has already been placed for a set of traffic lights for the Penampang Road Junction Kota Kinabalu and will be installed when the current road improvements at that junction are completed. Large roundabouts are being built at other important inter-junctions. Traffic lights will be installed where traffic justifies the expenditure and the money is available.

Jalan Raya Sook-Sepulot

19. Datu J. A. Angian Andulag bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom sama ada Kerajaan akan menyudahkan jalan raya di-antara Sook dengan Sepulot dalam Daerah Keningau yang telah mula di-bena oleh Tentera Australia dalam tahun 1966 tetapi maseh belum siap.

Tun V. T. Sambanthan: Saya mendapat tahu bahawa Jawatan-kuasa Pembangunan Negeri tidak bersetuju meneruskan kerja pembinaan jalan raya itu oleh kerana ada ranchangan penempatan yang di-chadangkan di-kawasan Pandewan lebh dekat dengan Keningau.

I understand the State Development Committee did not agree to continue with the road construction in view of the proposed settlement scheme in the Pandewan area nearer to Keningau.

Jambatan

20. Datu J. A. Angian Andulag bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Kerajaan akan membina sa-buah jambatan melintangi Sungai Bayayo di-Daerah Keningau memandang kapada lalu-lintas yang amat sesak di-kawasan itu dan bahawa dalam musim banjir kereta² pedagang tidak dapat bergerak sa-lama beberapa hari.

Tun V. T. Sambanthan: Sunggoh pun jambatan itu sangat di-kehendaki, harga membina sa-buah jambatan tersebut sangat mahal dan pada masa ini tidak ada apa² chadangan hendak membina jambatan itu. Lalu-lintas di-

jalan itu tidak-lah di-anggap sa-bagitu sibok.

Although desirable the cost of such a bridge would be very high and there is at present no proposal to construct the bridge. The traffic on this road cannot be considered as heavy.

Jalan Raya

21. Datu J. A. Angian Andulag bertanya kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada-kah Kerajaan akan menimbang membenarkan kontrekter² suwa dan bukan Jabatan Kerja Raya membina jalan² raya di-Sabah supaya harga jalan sa-batu boleh di-tentukan dengan tepat terlebeh dahulu.

Tun V. T. Sambanthan: Saya telah di-beritahu oleh Kerajaan Negeri bahawa kontrekter² suwa telah pun di-ambil bekerja membina jalan raya di-Sabah terutama-nya di-Utara dan di-Jalan Labuk, Sandakan. Satu perjanjian bagi Jalan Kudat—Jalan Sequati akan di-tandatangani sadikit masa lagi. Kerja tambahan akan di-tenderkan jika ia berdaftar kapada Kerajaan.

Tidak-lah betul mengatakan harga sesuatu projek itu tidak dapat di-pastikan terlebeh dahulu sa-kira-nya J.K.R. menyelenggarakan pembinaan. Beribu² batu jalan raya telah di-bena oleh J.K.R. di-Malaysia Barat dalam Ranchangan Lima-Tahun Yang Kedua dan harga sa-batu terpaksa di-taksir-kan sa-belum peruntukan di-buat.

I am informed by the State Government that private contractors are already employed in Sabah on road construction in particular on the North and Labuk Road, Sandakan. A contract for the Kudat—Sequati Road is about to be signed, and additional works will also be put to tender, where it appears to be to Government's advantage.

It is not correct to say that the cost of a project cannot be ascertained in advance if the P.W.D. were to undertake construction. Thousands of miles have been constructed by the P.W.D. in West Malaysia during the Second Five-Year Plan and costs per mile have had to be assessed before appropriations were made.